

MELAYU.COM

# MAJALAH Melayu.com

PERCUMA MOHON SEBARKAN

PROJEK  
MELAYU.COM  
DILANCARKAN PADA  
4 JULAI 2020



## SUKARELAWAN BISNES

**SEDEKAH**  
Pelancaran Projek  
Barter

**KARYA PILIHAN**  
Lebih 30 karya menarik didalam



19 PROJEK | 2020-2029 | RM 1 TRILLION | GLOBAL | TERBUKA | JARIAH

# ISI KANDUNGAN

Objektif .....	02	Sembang .....	57
Temubual bersama Selemann .....	05	Sembang Gamers bersama En. Muzammil .....	59
Bisnes .....	07	Islam .....	63
Fungsi Bisnes .....	09	Projek Kuliah .....	65
Article TAM .....	13	Sedekah .....	67
Direktori Bisnes .....	15	System Barter .....	69
Karya .....	19	Maklumbalas pengguna .....	71
Karya Pilihan .....	21		

## TERBARU BULAN INI

### UMUM

- Ahli kini boleh menggunakan avatar di profail masing-masing
- Laman utama kini memaparkan kandungan terkini daripada setiap projek
- Pembukaan Shopee di shopee.com.my/melayu-.com
- Tshirt Melayu.com “Signature” telah siap dan boleh dibeli
- Pelbagai bug fixes dan penambahbaikan antara muka
- Perjumpaan Zoom
- Sukarelawan
- Pelancaran Projek Sedekah - Barter

### MAJALAH

- Majalah Melayu.com kini mengikut format majalah dan bukan “power point”
- Beberapa temuduga telah dibuat dan dimasukkan ke dalam edisi ini
- Beberapa bisnes telah bersetuju mengiklankan perniagaan mereka
- Majalah kini menyenaraikan Direktori Bisnes
- Majalah kini menyenaraikan Karya Pilihan

### BISNES

- Ahli boleh mendaftarkan bisnes orang lain (Sukarelawan)
- Pemilik bisnes boleh menuntut Bisnes yang didaftarkan oleh Sukarelawan
- Pemilik bisnes boleh mengiklankan kerja kosong secara percuma
- Kedai
- Service Directori
- Video Usahawan

### KARYA

- Pertandingan Karya bulan Oktober - Disember
- Kategori karya baru yang boleh dibuat secara bersiri iaitu Novel, Cerpen, Komik, Fotografi, Lukisan & Ilustrasi dan Ulasan Buku
- Penghantaran Karya oleh “Ahli Dipercayai” (level 3) dan ke atas tidak perlu kelulusan Moderator
- Komen bagi setiap Karya akan dipaparkan di Sembang Karya & Hiburan
- Jual
- Videografi
- Pertandingan Okt - Dis

### SEMBANG

- Sembang terkini dipaparkan di halaman utama
- Topik terkini dipaparkan di halaman utama Sembang
- Penghantaran topik oleh “Ahli Dipercayai” (level 3) dan ke atas tidak perlu kelulusan Moderator

### ISLAM

- Pelancaran projek Islam dengan fungsi Kuliah
- Wakil Masjid dan Surau boleh menghantar jadual kuliah (Kuliah)
- Masjid At-Taqwa, Kg. Paya Lebar
- Surau Ar-Raudhan, Seksyen 3, Bandar Baru Bangi.

### SEDEKAH

- Pelancaran Projek Barter

# OBJEKTIF

**MELAYU.COM ialah satu projek<sup>1</sup> untuk meningkatkan taraf kehidupan Bangsa Melayu<sup>2</sup> dengan menggunakan Teknologi Maklumat<sup>3</sup> secara strategik dan bersepada<sup>4</sup>**

1. Projek ini dibangunkan bukan sahaja untuk interaksi secara online malah secara offline menerusi penglibatan komuniti, pelaksanaan program dan aktiviti.
2. Peningkatan taraf kehidupan sebagai individu, kumpulan sasar dan bangsa daripada pelbagai aspek termasuklah Ilmu pengetahuan, agama Islam, kewangan, perniagaan dan sikap.
3. Melayu.com akan dibangunkan sebagai “Super App” dan akan dimajukan secara berterusan menggunakan teknologi seperti AI, Big Data, AR/VR dan Blockchain.
4. Pelbagai sasaran yang ditetapkan akan dicapai menerusi usaha bersama dan maklumbalas daripada pengguna Melayu.com.

# INFO



# 19 PROJEK

11/2020




## SUPER APP MELAYU.COM

- BUSINESS • CULTURE • COMMUNICATION • HEALTH • SMART LEGAL
- INFORMATION MANAGEMENT • SOFTWARE • WEB • ENTREPRENEURSHIP
- SEARCH • COMMUNITY • HELP • JOB • DIRECTORY • SOCIAL MEDIA
- PERSONALIZATION • OPEN SOURCE • HISTORY • PERSONAL SUCCESS
- ROBOTICS • FINANCIAL SUCCESS • COLLABORATION • CHARITY
- KNOWLEDGE MANAGEMENT • ARTIFICIAL INTELLIGENCE • MEDIA SHARING
- MOBILE APP • SERVICES • CONTENT MONETIZATION • MARKETING
- FOOD SECURITY • MENTORING • POLITICS & POWER • MARKETPLACE
- PAYMENT • ASSET ACCUMULATION • CROWDSOURCING • PLATFORM
- GAMES • CREATIVE CONTENT • EMBEDDED TECH
- WOMAN EMPOWERMENT • E-COMMERCE • AND MORE...



T-SHIRT  
**MELAYU.COM**

DAPATKAN  
SEKARANG ➤



[shopee.com.my/melayu.com](https://shopee.com.my/melayu.com)

RUANGAN IKLAN UNTUK DISEWA | HUBUNGI KAMI DI : admin@melayu.com

# TEMUBUAL BERSAMA

## Apa itu projek Sedekah?

Projek Sedekah bertujuan untuk menekankan amalan bersedekah dan mewujudkan masyarakat prihatin. Saya sebut "menekankan" kerana amalan bersedekah ini sangat penting kepada masyarakat kita. Kalau boleh kita nak semua orang bersedekah tanpa mengira taraf ekonomi dan bersedekah bukan sekadar wang ringgit dan makanan.

Projek Sedekah ini juga bertujuan untuk meningkatkan impak bersedekah dengan mencapai lebih banyak golongan masyarakat. Ini adalah kerana apabila kita lihat orang meminta sedekah, kita beri wang ringgit.

Tapi sebenarnya ramai juga yang memerlukan tetapi atas sebab malu atau menjaga air muka, mereka tidak meminta-minta. Allah berpesan untuk kita bersedekah bukan sahaja kepada orang miskin yang meminta tetapi juga kepada yang menahan diri daripada meminta-minta. Jadi menerusi projek Sedekah ini, kita cuba membantu semua termasuklah mereka yang tidak meminta-minta ini.

Projek Sedekah juga bertujuan untuk bekerjasama dengan pelbagai individu dan organisasi supaya aktiviti bersedekah dan kebajikan ini lebih menyeluruh. Kita akan wujudkan senarai projek-projek kebajikan terkini dan mudahlah untuk masyarakat kita mengetahui dan seterusnya terlibat dalam menyumbang.

## Apakah itu projek Barter?

Projek Sedekah bermula dengan projek Barter. Barter merujuk kepada pertukaran barang atau perkhidmatan tanpa mengenakan sebarang bayaran. Hampir setiap daripada kita ada barang lama atau yang tidak digunakan lagi. Lebih baik jika barang tersebut dapat diberi kepada mereka yang memerlukan daripada dibuang atau terbiar.

Anda boleh mendaftarkan barang yang anda ingin barter dan upload sekali gambarnya. Seterusnya pihak Admin Melayu.com akan membuat semakan dan kelulusan untuk memastikan hanya barang yang dibenarkan dan bersesuaian sahaja disenaraikan.

Seterusnya sesiapa yang berminat boleh memohon barang tersebut dengan memberi tawaran lain untuk tujuan Barter tersebut. Sekiranya tiada barang untuk dibarter, boleh juga memohon untuk mendapatkan secara percuma.

Pemilik barang tadi seterusnya boleh memilih siapa yang diinginkan. Urusan penghantaran barter atau pemberian percuma tadi perlu dibuat oleh kedua-dua pihak tanpa penglibatan Melayu.com. Tiada sebarang bayaran akan dikenakan oleh Melayu.com.

Anda dinasihatkan supaya berhati-hati ketika berurus kerana ianya diluar kawalan kami di Melayu.com.

## Bagaimana projek Barter ini boleh membantu masyarakat?

Keadaan pandemik Covid-19 memberi impak yang sangat besar kepada semua. Oleh itu, diharapkan menerusi projek Barter ini, kita boleh membantu mereka yang memerlukan tanpa kita perlu mengeluarkan duit. Barang-barang yang kita tidak perlukan mungkin sebenarnya amat diperlukan oleh orang lain.

Sebagai contoh banyak keluarga yang mempunyai anak yang sudah besar, oleh itu barang seperti car seat, stroller dan mainan boleh dibarter kepada keluarga yang masih ada anak-anak kecil. Contoh lain seperti syarikat yang mempunyai komputer atau laptop yang lama, bolehlah dibarter / diberi percuma kepada keluarga yang memerlukan untuk anak-anak menghadiri kelas secara online.

# SELEMANN (SIRI 2)

## Apakah aspek bersedekah lain yang Melayu.com cuba perbaiki?

Masalah pertama ialah tidak tahu kepada siapa ingin disedekahkan. Ada satu kes di mana satu syarikat ingin memberi sumbangan satu lori beras kepada rumah anak yatim. Disebabkan tidak tahu siapa lagi yang memerlukan beras tersebut, beras tersebut hanya diberi kepada satu rumah anak yatim.

Pembaziran berlaku kerana beras tersebut tidak habis dimakan dan kemudiannya rosak. Elok sekiranya kita dapat mewujudkan pangkalan data yang menyimpan dua maklumat iaitu mereka yang memerlukan sumbangan dan siapa yang ingin menyumbang. Ini kita akan bangunkan menerusi projek Direktori pada Jun 2021.

Satu lagi yang ingin diperbaiki ialah mengenalpasti keperluan semasa sesebuah rumah kebajikan. Sebagai contoh, keperluan bulanan yang biasa ialah makanan, minuman, pakaian dan bayaran bil. Tetapi mungkin juga ada keperluan tertentu contohnya keperluan memperbaiki kerosakan bangunan, dilanda bencana ataupun kecemasan. Memang biasa kita guna Whatsapp atau Facebook tapi jika dapat diwujudkan satu pangkalan data terpusat, ianya memudahkan penyumbang untuk menerima alert dan memberi sumbangan dengan segera. Ini kita akan bangunkan menerusi projek Perlu yang akan dilancarkan pada Mac 2021.

Menerusi projek Wakaf, kita akan wujudkan pangkalan data Wakaf yang dianjurkan oleh pelbagai pihak seperti yang ditubuhkan di banyak Negeri. Ini bagi menggalakkan dan memudahkan masyarakat kita untuk membuat carian maklumat Wakaf dari dalam dan luar negara.

Salah satu aspek yang ingin kita perbaiki ialah penipuan oleh segelintir individu yang menipu dan tidak bertanggung jawab. Contohnya ada pelbagai NGO dan Persatuan yang memberi bantuan berbentuk susu bayi dan pampers. Tetapi ada individu yang mengumpul bantuan tersebut walaupun tiada keperluan dan seterusnya mengaut keuntungan dengan menjual secara online. Kita cuba wujudkan satu kaedah supaya integriti penerima bantuan ini dapat dikenalpasti.

## Apakah sedekah lain yang boleh disumbangkan?

Sedekah sebenarnya bukan terhad kepada pemberian wang ringgit, makanan atau senyuman. Banyak lagi yang kita boleh sedekahkan seperti usaha dan tenaga. Contohnya aktiviti gotong-royong membersihkan sampah sarap, pantai dan menolong membaiki rumah orang susah.

Kita juga boleh berkongsi ilmu pengetahuan dan mengajar orang lain. Melayu.com akan membangunkan projek Ilmu pada tahun hadapan. Menerusi projek Ilmu ini, kita akan bangunkan gedung ilmu yang diwujudkan dalam bahasa Melayu supaya mudah untuk difahami oleh orang kita. Ilmu ini berbentuk video dan artikel akan diberi secara percuma (sedekah) untuk memberi impak yang lebih dan dimanfaatkan oleh semua. Kita mahu orang kita dapat meningkatkan taraf kehidupan menerusi ilmu pengetahuan yang diperolehi.

## Apa skop sumbangan Melayu.com?

Buat masa ini, Melayu.com tidak memberi sebarang sumbangan wang ringgit (maaf). Skop sumbangan Melayu.com ialah membangunkan fungsian di dalam website ini yang meningkatkan usaha bersedekah. Melayu.com ingin membantu Agensi Kerajaan, NGO, Persatuan, Syarikat, Kumpulan, Individu, Parti Politik dan sebagainya yang ingin memberi sumbangan. Sekiranya ada cadangan yang berkaitan, sila ajukan kepada kami. Terima kasih.

# BISNES

---

MEMBANTU  
PERNIAGAAN  
BANGSA MELAYU

---

# INTRO BISNES

Projek Bisnes merupakan projek pertama di Melayu.com bertujuan untuk membantu perniagaan Bangsa Melayu dalam pelbagai segi termasuklah ilmu bisnes, peningkatan jualan, pengurusan kewangan, nasihat mentor dan mengembangkan perniagaan. Projek ini menyasarkan perniagaan yang berdaftar dan juga tidak berdaftar seperti gerai, sambilan, dropship, agen dan sebagainya.


Sasaran projek ini ialah mewujudkan usahawan berjaya daripada pelbagai industri. Kita juga mahu meningkatkan budaya bantu-membantu, perkongsian ilmu dan mewujudkan rangkaian perniagaan yang kuat. Perniagaan orang Melayu boleh jauh lebih maju sekiranya kita berusaha dengan bersungguh-sungguh, bijak dan bermuafakat.

## SASARAN



## ROADMAP

- |                         |                      |
|-------------------------|----------------------|
| ✓ DIREKTORI<br>7/2020   | ✓ KEDAI<br>11/2020   |
| ✓ FEED<br>7/2020        | ✓ AZAM<br>1/2021     |
| ✓ CARI<br>7/2020        | ✓ KEWANGAN<br>4/2021 |
| ✓ SUKARELAWAN<br>8/2020 | ✓ MENTOR<br>6/2021   |
| ✓ PESAN<br>8/2020       | ✓ PADAN<br>9/2021    |
| ✓ KERJA<br>9/2020       | ✓ HARTA<br>1/2022    |



## FUNGSI BISNES


Post Oleh  
Pemilik Bisnes

Cari Produk &  
Perkhidmatan

Bisnes Anda

Membantu Daftar  
Bisnes Orang Lain

Daftar Bisnes



# DIREKTORI

Langkah pertama projek Bisnes ialah mewujudkan Direktori Bisnes bangsa Melayu. Semua perniagaan orang Melayu dipelawa untuk mendaftar di direktori ini.

Direktori ini penting supaya bukan sahaja untuk tujuan carian, pengiklanan dan menjalin kerja sama, tetapi pemilik bisnes boleh menggunakan fungsi lain yang akan dibangunkan nanti. Sebagai contoh, fungsi Azam Bisnes, Pengurusan Kewangan, Kedai dan Pemilikan Harta apabila siap dibangunkan nanti boleh dimanfaatkan oleh Bisnes yang berdaftar.

- Daftar Bisnes anda secara percuma
- Daftarkan Produk dan Perkhidmatan anda secara percuma

\*Pendaftaran Bisnes adalah tertakluk kepada terma dan syarat Melayu.com.

# CARI

Fungsi Cari membolehkan carian ringkas seperti “kedai makan di Bangi”. Manakala fungsi carian canggih akan dibangunkan supaya kita boleh membantu Bisnes yang memerlukan.

Sebagai contoh:

- Cari “kedai makan yang asyik rugi sejak 3 bulan lalu”
- Cari “pekebun nenas md2 yang mempunyai lambakan nenas tidak terjual”
- Cari “peniaga asnaf LZS yang baru bermula dan jualan masih sangat sedikit”
- Cari “ibu tunggal yang menjual kuih secara sambilan di Bangi”


Adalah diharapkan, fungsi Cari ini dapat membantu bisnes Melayu supaya lebih berkembang dan berjaya.



# FEED

Pemilik bisnes boleh menghantar post / iklan yang akan dipaparkan di ruangan Feed. Iklan, promosi, pengumuman pembukaan kedai dan peluang perniagaan boleh dihantar di ruangan ini.

> Pemilik bisnes boleh menghantar Post bagi bisnes anda (percuma)



# SUKARELAWAN

Memulakan dan memiliki bisnes bukannya satu perkara yang mudah. Oleh itu, Melayu.com ingin memupuk semangat bantu-membantu. Individu, persatuan, NGO dan organisasi lain dipelawa mendaftarkan bisnes orang lain secara sukarelawan.

Masih ramai lagi pemilik bisnes yang kurang arif tentang Internet dan Digital Marketing. Sebagai contoh, gerai nasi lemak dan kuih-kuih di tepi jalan biasanya tidak wujud di dalam Internet.

Kebiasaannya kita bantu mereka dengan membeli barang mereka, tetapi jika kita mendaftarkan bisnes mereka di Melayu.com, lebih ramai lagi orang akan tahu.

> Sebagai Sukarelawan, anda daftarkan Bisnes orang lain atas semangat bantu-membantu



# PESAN

Bagi Bisnes yang tiada website / shopee / lazada / ecommerce, banyak yang menerima pesanan secara Whatsapp atau PM tepi. Fungsi Pesan membolehkan pemilik bisnes mencipta borang pesanan dan URL borang pesanan ini diberi kepada pelanggan.

Seterusnya butiran pesanan akan disimpan dan ini memudahkan daripada segi pengurusan pembelian dan penghantaran tersebut. Maklumat pembelian ini juga akan berguna nanti untuk fungsi yang bakal dibangunkan iaitu Azam dan Pengurusan Kewangan.

- Pemilik bisnes boleh mencipta borang Pesan (percuma)

**Posts**  
Post ini akan dipaparkan di halaman [Feed](#)

Hantar Post untuk iklan, pengumuman atau tawaran jualan. Post boleh ditag dengan Produk.

[Tambah Posts](#)

**Pesan**  
Cipta dan share borang pesanan untuk mudah menjual.

Hantar Pesan untuk memudahkan jualan produk.

[Tambah Pesan](#)

# KERJA

Fungsi Kerja membantu pemilik bisnes mengiklankan kerja kosong. Kerja juga membantu pengguna mencari kerja kosong yang bersesuaian dengan kelayakan masing-masing.

4. Borang Pesanan Dev Syd Inc.  
0

5. Borang Pesanan Dev Syd Inc.  
0

[Tambah Pesan](#)

**Kerja**  
Posting kerja untuk bisnes anda.

Pegawai Sumber Manusia

[Tambah Kerja](#)

Feed Cari My Bisnes Lagi

My Bisnes > Dev Syd Inc.

**Daftar Kerja**

**Maklumat Kerja**

Nama Jawatan

Keterangan Jawatan

Kelayakan Jawatan

Jenis Kerja

# APA ITU TOTAL ADDRESSABLE MARKET (TAM) DAN MENGAPA ANDA PERLU TAHU SEBELUM MEMULAKAN BISNES.

## Kenapa usahawan tutup bisnes?

Sebab utama yang biasa diberi apabila usahawan menutup atau berhenti berniaga ialah disebabkan bisnes rugi atau menanggung hutang. Ini memang betul, apabila jualan semakin menurun, untung yang tak nampak dan hutang yang makin menimbun, tiada jalan lain selain berhenti berniaga.

Sebenarnya rugi adalah lumrah dalam dunia bisnes. Sesiapa yang berharap bahawa bisnes akan sentiasa untung dan tidak bersedia menghadapi kerugian adalah seseorang yang tidak realistik dan mengambil risiko yang tinggi. Usahawan mesti bersedia menghadapi cabaran termasuk kerugian dan masalah lain seperti perubahan polisi, undang-undang atau kegawatan ekonomi.

Tetapi **kenapa pula ada syarikat yang asyik-asyik rugi masih boleh bertahan?** Amazon contohnya rugi hampir 5 tahun berturut-turut semasa sudah menjadi Public Listed Company. Begitu juga dengan Uber, Grab dan Tesla. Ya betul, syarikat-syarikat ini memang syarikat besar dan ada banyak modal dan pelabur tapi apa yang kita cuba fahami disini ialah bukan semua syarikat rugi akan tutup.

Ada je syarikat yang rugi tetapi bertahan dan kembali kepada keuntungan. Dan ada je syarikat yang menggunakan strategi mengembangkan pasaran secara besar-besaran walaupun menyebabkan kerugian yang besar.

**Sebab sebenar usahawan tutup bisnes**  
Pada pendapat saya, sebab sebenar bisnes ditutup ialah kerana usahawan mengalah atau give-up. Okay, memang ada sebab lain seperti produk tidak laku, masalah pekerja, usahawan sakit, meninggal, bankrupt, tindakan undang-undang dan sebagainya, tetapi kebanyakannya ialah usahawan tidak mahu lagi meneruskan usaha berniaga.



## Usahawan mengalah kerana tidak berbaloi

Usahawan mengalah kerana bisnes yang dibangunkan tidak berbaloi untuk dipertahankan.

Sebagai contoh, jika bisnes anda hanya memberi RM500 sebulan, adakah anda heran jika bisnes tersebut ditutup? Kebanyakkan orang akan membiarkan sahaja bisnes tersebut tutup dan mungkin beralih kepada bisnes lain.

Tapi bagaimana pula jika bisnes anda memberi RM1 juta setahun? Semua orang akan berusaha mempertahankan bisnes tersebut selagi boleh.

Jadi, **jika anda ingin memulakan bisnes, buatlah bisnes yang berbaloi untuk dipertahankan** iaitu sekurang-kurangnya RM1 juta atau lebih. Kenapa saya meletakkan angka RM1 juta setahun?

Ada dua sebab, yang pertama ialah anda telah mencapai taraf 'bisnes jutawan'. Secara

psikologi, anda telah berjaya mencapai satu tahap yang boleh dipuji. Sebab kedua ialah banyak Bank yang hanya memberi pinjaman kepada syarikat yang memperolehi pendapatan sekurang-kurangnya RM1 juta setahun.

## Apa itu Total Addressable Market (TAM)?

Total Addressable Market bermakna berapa nilai pasaran yang bisnes anda berpotensi untuk menjana pendapatan atau mencapai jualan.

Analisa TAM ini penting untuk menilai sama ada bisnes yang anda usahakan itu berbaloi atau tidak. Banyak usahawan tidak membuat analisa ini, oleh itu bisnes yang dibuat tidak akan dapat mencapai sasaran ataupun tidak untung-untung.

Formula pengiraan TAM ialah:

TAM = harga jualan (RM) x bilangan jualan

Sebagai contoh, anda bermiaga sebagai makcik kantin sekolah dan menjual nasi lemak dengan harga RM1 setiap bungkus. Sekolah anda ada 500 orang pelajar dan secara purata setiap bulan hanya 20 hari persekolahan. Oleh itu, TAM anda ialah RM1 x 500 pelajar x 20 hari = RM10,000 sebulan. TAM anda untuk setahun ialah RM10,000 sebulan x 12 bulan = RM120,000 setahun.

Saya ada jumpa peniaga kantin yang baru bermula bisnes kantin dan sudah berangan-angan untuk membeli banglo. Jika dilihat TAM di atas, jelas sekali tidak cukup kerana (1) Bukan semua pelajar hadir ke sekolah dan beli nasi lemak setiap hari (2) Jumlah ini ialah jualan dan bukannya keuntungan dan belum ditolak kerugian seperti nasi lemak tak terjual.

Contoh lain ialah anda menjual pewangi kereta dengan harga RM10 satu di pasar malam di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi. Ada 1,000 kereta di situ dan pewangi kereta habis dalam masa 3 bulan. Oleh itu, TAM anda ialah RM10 x 1,000 kereta = RM10,000 bagi setiap 3 bulan.

Dalam setahun pula, TAM anda ialah RM10,000 x 4 kali setahun = RM40,000 setahun.

RM40,000 ini sebenarnya ialah potensi maksimum kerana sudah tentu ada pemilik kereta yang tak beli pewangi 4 kali setahun dan ada juga pesaing yang menjual pewangi jenama lain.

## **TAM ialah anggaran dan tiada jaminan**

Memang betul TAM ialah satu anggaran dan andaian, tetapi ianya satu faktor penting yang perlu dikira sebelum memulakan bisnes. Antara kesilapan yang biasa dibuat ketika menganalisa TAM ialah mengenepikan pesaing dan gagal mengenalpasti pelanggan yang memerlukan produk dan perkhidmatan anda.

Sebagai contoh di atas, makcik peniaga kantin mungkin tiada pesaing kerana ada satu kantin je di sekolah. Tetapi ada juga pelajar yang bawa bekal dari rumah dan tidak membeli di kantin. Bagi contoh bisnes pewangi kereta pula, mungkin orang lebih suka beli secara online atau di stesen minyak.

Ketika menilai TAM, pastikan anda memilih pasaran yang besar atau membesar pasaran anda.

Sebagai contoh, makcik kantin boleh juga menjual menerusi food delivery dan pewangi kereta juga boleh dijual secara online.

## **TAM juga memaksa anda menilai potensi produk dan perkhidmatan**

Ketika anda menilai "Market", anda sebenarnya perlu mengenalpasti siapa yang berpotensi menjadi pembeli produk dan perkhidmatan anda. Anda tidak boleh mengambil nilai yang rambang untuk menyedapkan hati sendiri.

Sebaliknya kenal pasti siapa yang sebenarnya betul-betul memerlukan apa yang anda tawarkan. Sebagai contoh, kantin sekolah memang diperlukan oleh pelajar kerana tiada pilihan lain. Manakala bagi bisnes pewangi kereta pula, kita bukan kira bilangan penduduk sebaliknya bilangan kenderaan.

## **Bisnes yang mudah biasanya TAM yang rendah**

Adakah anda memilih bisnes yang mudah untuk dimulakan? Sebagai contoh, menjadi agen, stokis atau dropship. Dengan modal yang rendah, anda boleh memulakan bisnes tetapi sebenarnya nilai TAM adalah rendah kerana terlalu banyak pesaing (agen lain) dan dikawal oleh syarikat induk. Oleh itu, elok anda kaji semula adakah bisnes tersebut berbaloi atau tidak untuk diusahakan dalam tempoh yang panjang.

## **Saya meniaga nasi lemak je mana nak dapat RM1 juta**

Pertama, tiada siapa memaksa anda meniaga nasi lemak. Anda ada pilihan untuk menjalankan apa jua bisnes. Memandangkan anda akan bergantung kepada kejayaan bisnes untuk menyara diri sendiri dan keluarga, eloklah anda memilih bisnes yang berbaloi dan berpotensi. Berniaga ada banyak cabaran, berisiko dan memeningkan kepala, jangan terburu-buru sebaliknya buatlah perkiraan yang bijak.

## **Mulakan Bisnes yang betul**

Banyak orang memulakan bisnes tanpa analisa yang betul, jadi tak hairanlah banyak bisnes yang gagal dalam tahun pertama (20%), seterusnya 30% gagal dalam tahun kedua dan 50% dalam 5 tahun pertama. Ini bermakna 80% bisnes akan gagal dalam 5 tahun pertama.

Ingin, memulakan dan mengusahakan bisnes bukan satu benda yang mudah, jadi pilihlah bisnes yang berbaloi dan berpotensi untuk diteruskan. Jangan mulakan sebarang bisnes, hanya mulakan bisnes yang tepat dan bersesuaian.

Don't start any business. Start the right business.


# DIREKTORI BISNES



1. MUSAFIR SENI  
Lukisan Mural/ Lukisan Kanvas  
IG: @musafirseni\_  
Website  
[https://www.instagram.com/musafirseni\\_/](https://www.instagram.com/musafirseni_/)



2. Melayu.com.  
T-shirt Exclusive Melayu.com  
0143376763



3. Like Chikang Premium  
#likechikang  
#likechikangpremium  
#likechikangKL  
Kuala Lumpur, Federal Territory of  
Kuala Lumpur, Malaysia



4. Kosmetik , Kecantikan, Kesihatan  
Produk mesra wuduk Nurraysa  
0132659337  
IG: @mawarmk  
FB: @Mawarlah.mk



### DECIDE ON YOUR OWN CHOCO JAR CRISPY WITH TOPING

#### FLAVOR

- CHOCO
- STRAWBERRY
- WHITE CHOCO

**RM 10  
Only**



Contact us:  
ws : 011-5184 5861  
ig : choco\_taiping



CHOCO CRISPY

5. Susu Kambing Segar Bangi  
NARIN Susu Kambing  
0139850225  
FB/IG: @susukambingsegarbangi

6. Dyna Abdullah  
Keterangan: Nothing can make you happier with delicious choco jar crispy and nice clothes for ootd  
No Tel: 01151845861  
FB: @chocotaiping  
IG: @choco\_taiping

6. Dapur Che' Teh  
Sedap Terangkat  
0139840225  
FB: @DapurCheTeh  
IG: @dapurcheteh

7. Knitwear bundle  
Keterangan: Knitwear bundle ✅  
No Tel: 01151845861  
Website: <https://shopee.com.my/deenagadget?smtt=0.0.9>

# DIREKTORI BISNES



## 8. Firdaus Zulkram Resources

Keterangan: Membeli dan Menjual Emas

No Tel: 0132989193


FB/IG: @emasfzrawang

## 9. HANI PRELOVE

Original Zara Brand

No Tel: 0129780156

FB: @Haniazman



## 10. HANI PRELOVE

Corduroy Shirt

No Tel: 0129780156

FB: @Haniazman

## 11. DeejayKahwin Dot Com

Keterangan: Perkhidmatan sewaan pa system, karaoke, deejay, emcee dan pengurusan majlis untuk sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya.

No Tel: 01162099363

FB: @djkahwinpasystem

IG: @pasystemkaraoke



12. Chess Coaching

Keterangan: Mendidik anak-anak bermain catur  
No Tel: 0166981802

DECIDE ON YOUR OWN  
CHOCO JAR CRISPY  
WITH TOPING

FLAVOR

- CHOCO
- STRAWBERRY
- WHITE CHOCO

**RM 10  
Only**



Contact us:  
ws : 011-5184 5861  
ig : choco\_taiping



@Choco\_taiping

CHOCO CRISPY

13. Dyna Abdullah

Keterangan: Nothing can make you happier with delicious choco jar crispy and nice clothes for ootd  
No Tel: 01151845861  
FB: @chocotaiping  
IG: @choco\_taiping

*Jom sertai Melayu.com  
Daftar Bisnes Anda  
Secara Percuma!*

# KARYA

---

MENGHIMPUN KARYA  
MELAYU DAN MENJANA  
EKONOMI KREATIF

---

# INTRO KARYA

Projek Karya bertujuan meningkatkan taraf Bahasa Melayu dengan menghimpun karya dan menjana ekonomi kreatif. Disamping karya berbentuk sastera seperti sajak, pantun, novel dan cerpen, projek Karya juga ingin memajukan karya kreatif seperti komik, fotografi, lukisan, ilustrasi dan videografi.

Projek ini juga berhasrat untuk menjana pendapatan menerusi karya seperti penjualan novel mengikut bab dan fungsi langganan bulanan. Pelbagai fungsi lain yang mengembangkan penggunaan Bahasa Melayu akan dibangunkan seperti kamus dan games.

## SASARAN



## ROADMAP

**HANTAR**  
8/2020

**JUAL**  
12/2020

**CARI**  
8/2020

**IKLAN**  
12/2020

**PERTANDINGAN**  
9/2020

**LANGGAN**  
1/2021

**SOSIAL**  
9/2020

**KOMUNITI**  
6/2021



**KATEGORI – Sajak & Puisi**

**TAJUK: Buana, Merawat Luka Di Musim Sepi**

**USER: Attokzdikulgai**

sunyi, tatkala wabak merebak—nafas besi beroda di kota-kota mendiam, cerobong industri suram tak menjeluak jelaga. haba menjadi kelam tak merewak mengapung, bahang pun terpendam.

khabarnya, ozon merawat diri pulih kembali di sebelah sana. angin dingin perbukitan belantara singgah berolak di kota-kota sepi, saat gerombolan karbon tak lagi berhimpun. di hutan pekat menghijau; ungas bercempera riuh bertandak dan sibuk membiak.

sungai kembali mencerminkan jernih. bayang cakcibur terpantul mencecah permukaan meriaik gelombang mengejutkan ikan meliuk mengilas di dasar berkejaran bebas.

segala cemar kelodak keruh dari hulu terhenti menghilir  
seiring kerakusan insan nan menjarah setiap inci tanah, mengejar kemodenan, tamak mengumpul laba; haloba—menternak bencana atas milik yang dipinjam daripada generasi warisan.

rupanya wabak merebak mengirim amaran sekaligus peringatan; keangkuhan hanya mutlak milik tuhan.


attokz dikulgai

pkp39 btskl

25.iv.20



[melayu.com/k/buana-merawat-luka-di-musim-sepi/63](https://melayu.com/k/buana-merawat-luka-di-musim-sepi/63)



Melayu.com

# PERTANDINGAN **KARYA** KREATIF

TEMPOH PERTANDINGAN 1 OKT - 31 DIS 2020

SAJAK, PANTUN, TEKA-TEKI,  
CERPEN, RESIPI DAN LAIN-LAIN

## HADIAH MENARIK MENANTI ANDA!

Pemenang  
1, 2 & 3  
Bawa Pulang  
RM100 & T-shirt  
Melayu.com

Pemenang  
4 & 5  
Bawa Pulang  
RM50 & T-shirt  
Melayu.com

Pemenang  
6 HINGGA 10  
Bawa Pulang  
T-shirt  
Melayu.com


### CARA PENYERTAAN

#### LANGKAH 1:

Daftar sebagai pengguna dan  
hantar karya anda ke Melayu.com

#### LANGKAH 2:

Karya yang mempunyai like yang terbanyak  
akan dinobatkan sebagai pemenang



## Karya Pilihan!

Untuk anak-anak malang  
 Untukmu sebuah cinta  
 Ku tulis dengan kasih  
 Ku ukir ia dengan sayang

Lantas pada suatu ketika  
 Seorang anak malang datang kepadaku  
 Suram sinar matanya penuh sendu  
 Suram pudar senyumnya meruntuh hatiku

“Cikgu,  
 ini buku dari kerajaan  
 mampu menampung ilmu ke bintang  
 mahupun ke bulan  
 namun tidak mampu memberi kami  
 sesuap nasi  
 tidak mampu memberi adik  
 secawan susu saban hari  
 demi cabaran hidup kian kental  
 wajarkah kiranya buku ini ku jual?”

Tergamam aku dengan bicara lirih itu  
 Sayu dan sendu menabiri ruang waktu

“Aduhai sayang permata hati,  
 seperih itu erti hidup dan kehidupan  
 melarik luka erti manusia dan kemanusiaan  
 ke mana payung hidupmu  
 kala diri kehujanan?  
 ke mana teduh nipah  
 kala diri kepanasan?”

**KATEGORI – Sajak & Puisi**  
**TAJUK: Cinta Anak-anak Malang**  
**USER: Marni**

Anak kecil itu tunduk membisu

Sesaat renung matanya menusuk kalbu

Titis air matanya berlinangan

membasahi hatiku

Sedu sedan berlagu

menghiris bagi sembilu

Bicara sayu menghiasi

wajahnya yang pilu

“Cikgu,

mama pergi saat melahirkan adik bongsuku

ayah terkorban di perbatasan pertiwi

tinggal kami bertiga

mewarisi hidup ranjau penuh duri

tanpa kasih mama dan ayah

kami teguh berdiri

namun seteguh mana kekuatan kaki ini

andai panas dan hujan sering menerjah

menggoyahkan hati?”

Terkaku aku seketika

Menghadapi realiti hidup yang menyapa

Perihnya anak kecil ini menyusuri hidupnya

Seawal usia 11 tahun bernafas dalam duka

Menghulur tangan

demi seulas kasih dan cinta

Suatu masa dulu pernah subur dalam hidupnya

Namun akhirnya lerai di kaki pusara!

Sepurnama berlalu


Anak kecil itu kembali padaku

Seulas senyum terukir di bibirnya yang sayu

Sejuk tangannya menghulur salam



[melayu.com/k/cinta-anak-anak-malang-1/62](http://melayu.com/k/cinta-anak-anak-malang-1/62)



## Karya Pilihan!

**KATEGORI – Sajak & Puisi**  
**TAJUK: Rawan**  
**USER: Shafiq3**

rindu..  
 bagaikan air mengalir  
 tak pernah surut  
 tak pernah kaku  
 tapi,  
 hati..  
 seperti danau  
 yang kering  
 tak pernah terjaga  
 begitulah juga  
 rusuh-rusuhan  
 meronta terciar-ciar  
 ia bagaikan kemarau  
 sepanjang tindihan  
 .. ia berawan  
 telah mati, kaku  
 terbaring diam..  
 memaku perjalanan  
 .. ia memejam,  
 dan membuang  
 hitam darah



[melayu.com/k/rawan/59](https://melayu.com/k/rawan/59)

**KATEGORI – Sajak & Puisi**  
**TAJUK: Kasih Mu Ya Rabbi....**  
**USER: CikAbe**

Disini aku..  
 Tanpa ada yang menemani..


Disini aku..  
 Terasa sepi..

Disini aku...  
 menyendiri...

Disini aku..  
 Muhasabah diri..

Disini aku...  
 Mensyukuri nikmat ilahi..

Disini aku..  
 Mengerti..  
 Kasih Abadi yang hakiki..



[melayu.com/k/kasih-mu-ya-rabbi/52](https://melayu.com/k/kasih-mu-ya-rabbi/52)

# PETUA MENJAGA **TANAMAN**

USER: Fauzan

**KEGUNAAN HAMPAS TEH**

- serbuk teh yang telah digunakan akan dibuang begitu sahaja.
- boleh dijadikan sebagai baja bagi pokok-pokok ini.
- taburkan serbuk teh ini pada pangkal pokok untuk tempoh seminggu sekali.

**MENGHALAU SEMUT PADA TANAMAN**

- Semut adalah salah satu serangga perosak tanaman atau pokok bunga.
- taburkan serbuk kulit telur yang sudah dijemur dan ditumbuk halus di sekeliling perdu pokok, nescaya semut tidak akan menganggu lagi. Insya-Allah. kulit telur itu kalsium karbonat .

**BEKALAN AIR UNTUK POKOK**

- Tidak mahu pokok bunganya mati sekiranya anda bercuti panjang.
- Tetapi janganlah anda risau kerana masalah menyiram air ini boleh diatasi dengan mudah.

Anda bolehlah menggunakan bahan yang mudah menyerap air seperti kain, tali atau tali leher lama. Tanam satu hujung ke dalam pasu manakala satu hujung lagi direndamkan ke dalam bekas yang berisi air.

**TANAMAN DUA BULAN TANPA BAJA**


Jangan dibaja pokok yang baru di buat pemasuan semula kerana campuran tanah baru mengandungi nutrien tanaman yang cukup untuk menyediakan makanan kepada tumbuhan selama dua bulan. Memberi baja terlalu awal boleh menyebabkan akar pokok tidak berkembang dalam tanah baru.

**MENGHAPUS JENTIK-JENTIK DARI PASU**

Kiambang dan teratai yang ditanam dalam pasu mungkin menghadapi masalah pembiakan jentik-jentik dan terpaksa ditukar airnya setiap minggu. Bagi mengatasi masalah ini, campurkan dua titis minyak masak atau minyak bayi ke dalam air, nescaya jentik-jentik akan mati. boleh juga



[melayu.com/k/petua-menjaga-tanaman-1/56](https://melayu.com/k/petua-menjaga-tanaman-1/56)



## Resipi Pilihan!

# Kek Batik Bujang

USER: Fauzan

**BAHAN-BAHAN**  
Ikut rase kuantiti



BISKUT MARIE



MENTEGA/  
BUTTER



SERBUK MILO



SUSU PEKAT




SERBUK KOKO  
Jika perlu

### CARA PERYEDIAAN :

- 1-Lapik loyang dengan kertas surih atau sapu je mentega
- 2-Potong butter kepada kiub. Panaskan butter di dalam periuk dan di atas api sederhana sehingga cair.
- 3-Masukkan serbuk milo, susu pekat dan serbuk koko. Kacau sehingga pekat sebatи.
- 4-Susun biskut Marie dalam loyang kemudian sendukan adunan coklat dan sapu rata sebagai lapisan atas.
- 5-Susun berselang seli lapis biskut Marie dan adunan coklat sehingga habis.
- 6-Sejukkan di dalam peti ais semalaman. Keluarkan dan potong untuk dihidangkan.



[melayu.com/k/kek-batik-bujang/53](https://melayu.com/k/kek-batik-bujang/53)



## Karya Pilihan!

KATEGORI – Sajak & Puisi  
 TAJUK: Rindu  
 USER: Hani-Is

Andai ada kesempatan  
 Kau lewatilah daerah sepi ini  
 Pasti kau temui  
 Rindu yang masih seperti dulu  
 Terpahat jauh di sudut hati  
 Tiada penganti

Andai ada antara kita  
 Masih menganyam dendam kesumat  
 Jangan sampai rasa benci itu  
 Memadam segala kerinduan


Kelak ..  
 Affkan ada sesalan  
 Menjadi penamat bicara

Datanglah kekasih  
 Satukan kembali rindu yg pernah bertaut  
 Kerana seringkali  
 Hati ini menjadi begitu terasing  
 Kerana terlalu merinduimu.

Hani\_Ls  
 Pantai Penarik  
 Julai 2020



[melayu.com/k/rindu/57](https://melayu.com/k/rindu/57)



## Karya Pilihan!

**KATEGORI – Sajak & Puisi**  
**TAJUK: Terjalin Antara Kita**  
**USER: Marni**

Sehari dalam pelarian hati  
 hijau alam tenang tasik menyambut langkah  
 kaki...

Hening tasik memberitahu  
 hidup ini indah...  
 namun tenang kocak air bukan satu janji  
 riau dasar masih tersimpan 1000 cerita  
 gelombang hanya bermain di tepian nyata  
 biru air hanya arca yang terlihat di mata

Terbacakah kau wahai hati...  
 di dadanya yang terlukis sejuta rahsia?

Rasa hati berbicara :

Di sini kita lebih mengenali diri  
 hakikat yang tersirat  
 erti hidup dan kehidupan  
 erti manusia dan kemanusiaan  
 erti cinta dan kasih sayang

Seluas tasik dingin yang terbentang  
 luas lagi tafsiran kasih sayang  
 tak memiliki tak beerti terbuang  
 kasih terbina tanpa garis sempadan  
 sayang bukan sekadar sebaris ungkapan  
 teguh di hati hanyalah seuntai rasa  
 mengikat kukuh kasih sayang kita  
 abadi.. biar untuk selamanya

Buat sahabat-sahabat tersayang :

Kasih yang terhulur ini bukan sandiwara  
 sayang yang terlakar hanya sendat dalam dada  
 antara kita tiada sebarang ikatan janji  
 terjalin antara kita hanya talian kasih dalam hati  
 tiada lafaz kata bisa ku luahkan  
 sebagai ganti ucapan rasa sayang  
 sebagai balasan atas sebuah kebahagiaan  
 yang kalian hulurkan menjadi kekuatan hati  
 yang kalian titipkan menjadi ketabahan diri

Terima kasih...  
 hanya itu yang mampu ku berikan  
 kerana sesungguhnya,  
 setitis air mata ini mengalir  
 selaut kasih ku pada mu...

mengucup tanganku  
 Ditunjukkan baju sekolahnya yang baru  
 Riang wajahnya  
 mengundang sendu lirih di hatiku

“Terima kasih, cikgu!  
 Kau dan kasihmu ku terima  
 sebagai ganti kasih dan cinta  
 dari mama dan ayahku...”

PEDU, Kedah  
 1 April 2004  
 2.30 am




[melayu.com/k/terjalin-antara-kita/46](http://melayu.com/k/terjalin-antara-kita/46)

## Tips & Petua!

**TAJUK:** Petua nak bezakan ketam jantan dan ketam betina

**USER:** CikAbe

Untuk rasa isi ketam yang lebih sedap, pilih ketam betina.



[melayu.com/k/petua-nak-bezakan-ketam-jantan-dan-ketam-betina/54](https://melayu.com/k/petua-nak-bezakan-ketam-jantan-dan-ketam-betina/54)

**TAJUK:** Bagaimana mengelakkan daripada dikejar anjing

**USER:** johnlabu

Jangan lari



[melayu.com/k/bagaimana-mengelakkan-daripada-dikejar-anjing/12](https://melayu.com/k/bagaimana-mengelakkan-daripada-dikejar-anjing/12)

## Teka-Teki Pilihan!

**USER:** aksara

Ada satu benda, bila kita perlukan kita buang, bila kita tak perlukan kita simpan. Apakah benda tersebut?

Jawapan: xxxx



[melayu.com/k/ada-satu-benda-bila-kita-perlukan-kita-buang-bila-kita-tak-perlukan-kita-simpan-apakah-benda-tersebut/45](https://melayu.com/k/ada-satu-benda-bila-kita-perlukan-kita-buang-bila-kita-tak-perlukan-kita-simpan-apakah-benda-tersebut/45)

**USER:** Fawi

Makan menyelam, tidur bergantung. Apakah ia?

Jawapan: xxxxx



[melayu.com/k/makan-menyelam-tidur-bergantung-apakah-ia/14](https://melayu.com/k/makan-menyelam-tidur-bergantung-apakah-ia/14)

**USER:** Fawi

Benda apakah yang banyak gigi?

Jawapan: xxxx



[melayu.com/k/benda-apakah-yang-banyak-gigi/6](https://melayu.com/k/benda-apakah-yang-banyak-gigi/6)

**KATEGORI – Surat**

**TAJUK: Perutusan buat pencinta kucing jalanan**

**USER: mardau**

Kepada encik/puan/cik pencinta kucing jalanan di kawasan sewaktu denganku,

Saya tabik springgg kepada kecintaan anda kerna sudi amik berat kebajikan kucing<sup>2</sup> yg tidak bertuan. Saya tiada isu dengan kecintaan anda.

API!!!!!

Jangan lah anda mencipta permusuhan antara manusia dgn kecintaan anda.

MINTA TOLONG.....

Sekiranya anda nak bagi makan kepada kucing<sup>2</sup>, carila tempat yg sesuai. JANGAN la longgokkan makanan di kwsn tangga tingkat lain atau di kwsn laluan/koridor rumah org lain.

Info utk anda.....

Tahukah anda, kucing<sup>2</sup> itu bukan saja makan disitu tapi turut meninggalkan sisa kumbahan mereka????? Dan baunya tidak sampai pada anda TAPI sampai kepada mereka yg lalu dan duduk disekitarnya.

Akhir kata,  
Sila berfikir sebelum bertindak. Jangan kerana otak anda penuh dengan ☺ maka tiada ruang utk anda fikir tentang manusia keliling anda.

Saya sudahi perutusan ini dengan kata-kata,  
"Tak cantik takpe asal pakai otak..."

Sekianlah....terima kasih.

Yang benar,  
Manusia yg jadi mangsa keadaan





**TAJUK: Demi Hidup | USER: Marni**

Demi Hidup  
Agro-Technology Perk MARDI,  
Cameron Highlands.  
November 2015



[melayu.com/k/demi-hidup-1/49](http://melayu.com/k/demi-hidup-1/49)

**TAJUK: Indah yang Ters****TAJUK: Biar Sebentar Aku Beradu | USER: Hanis**

Lelah belajar tidak selelah peritnya  
memikul beban kebodohan di  
kemudian hari...maka berehatlah  
sebentar demi kelangsungan  
masa hadapan...



[melayu.com/k/biar-sebentar-aku-beradu/100](http://melayu.com/k/biar-sebentar-aku-beradu/100)

Terpana oleh keindahan  
yang belum ternoda dengan  
tangan-tangan rakus.

# Fotografi Pilihan!

embunyi | USER: nazhmk



[melayu.com/k/biar-sebentar-aku-beradu/100](https://melayu.com/k/biar-sebentar-aku-beradu/100)

**TAJUK: Hai Burung Besi**  
**USER: Fadhilahbtahmad**



Hai Burung Besi,  
Gagah menerjah awan,  
Gayamu tampan  
menawan.

Hai Burung Besi,  
Baktimu berleluasa,  
Melewati ruang  
angkasaraya.

Hai Burung Besi,  
Kini kelibatmu kelam,  
Beristirehatkah atau  
demam?

Hai Burung Besi,  
Rancakkanlah sayapmu,  
Pabila pandemik ini  
berlalu.

[melayu.com/k/hai-burung-besi/103](https://melayu.com/k/hai-burung-besi/103)



**TAJUK: Rama-rama Gadang**  
**USER: Fadhilahbtahmad**



Rama-rama,  
Persinggahanmu,  
Seketika cuma,  
Namun mempesonakan.



[melayu.com/k/rama-rama-gadang/101](https://melayu.com/k/rama-rama-gadang/101)



## Karya Pilihan!

**KATEGORI – Sajak & Puisi****TAJUK: Bisik pada langit****USER: Hazel**


Kita berbisik pada langit,  
 Menyalin kulit menukar salinan,  
 Kita berbisik pada langit,  
 Atas dosa-dosa semalam ,  
 Mohon diangkatkan,diberikan  
 keimanan..  
 Teguh iman kerana hati..  
 Mencantum isi agar gerak selari,  
 Agar tidak tersandung  
 dikemudian hari...  
 Kita berbisik pada langit,  
 Menyerah dan mengabdi diri,  
 Agar hidup diredhai Illahi..  
 Bisik lah pada langit,  
 Menadah tangan supaya  
 sentiasa dilindungi..  
 Membisik pada Penciptaku yang abadi..


[melayu.com/k/bisik-pada-langit/65](https://melayu.com/k/bisik-pada-langit/65)
**KATEGORI – Sajak & Puisi****TAJUK: Rintihan Hamba****USER: Ieda\_ar**

Ya Allah,  
 Telah Kau ambil mereka  
 Satu demi satu  
 Bersama ilmu warisan kekasihMu  
 Telah Kau tutup  
 Pintu rumah-rumahMu  
 Buat kami para pendosa  
 Telah Kau tarik urusan dunia  
 Yang dahulunya membuat  
 Kami alpa dan leka  
 Ya Allah,  
 Janganlah Kau timpakan ini  
 Hingga hujung perjalanan kami  
 Namun, jika benar  
 Rantainya sudah hampir terlerai  
 Kau lindungilah kami  
 Daripada fitnahnya  
 Juga daripada huru hara dunia  
 Menjelang munculnya negeri abadi  
 Di bawah tadbir kerajaan agungMu.

Aamiin... Aamiin... Aamiin... Ya Mujib...


[melayu.com/k/rintihan-hamba/67](https://melayu.com/k/rintihan-hamba/67)



## Karya Pilihan!

**KATEGORI – Sajak & Puisi****TAJUK: Sahabat****USER: Ieda\_ar**

Sahabat,  
 Kalian sentiasa dalam kenangan & doa  
 Dalam hidup kita,  
 Pelbagai corak telah terlakar  
 Pelbagai rencah telah dirasa  
 Sendu dan tawa silih berganti

Dahulu,  
 Kita sama-sama membina impian  
 Meski kita berbeda kerjaya  
 Segala lelah tugas akan terubat  
 Bila berkumpul di teratak kita  
 Kita sama-sama menghambur tawa  
 Kita sama-sama meluah rasa  
 Kita sama-sama menonton cerita  
 Kita sama-sama menjamu selera  
 Kita sama-sama dalam segala apa.

Kini,  
 Bila kau dijengah duka  
 Kami tiada disisi menemani  
 Tapi percayalah,  
 Doa kami tidak pernah kering  
 Air mata kami laju mengalir  
 Mengenangkanmu sahabat

Doa kami,  
 Agar kau sentiasa kuat & tabah  
 Menempuh hari-hari mendatang  
 Demi dirimu dan permata-permata berharga  
 Dia lebih menyayangimu saat ini  
 Kerana itu, diutuskanNya hadiah ujian  
 Walaupun ianya satu kehilangan

Kita semua akan merasa  
 Ditinggalkan atau meninggalkan  
 Kalau tidak dia, pasti kita  
 Menerima undangan Dia  
 Yang tidak pernah ingkar janjiNya  
 Kita juga akan berada di tempatnya  
 Hanya masa yang menentukan.


[melayu.com/k/sahabat/66](http://melayu.com/k/sahabat/66)

## Karya Pilihan!

### KATEGORI – Haiku

TAJUK: Perpisahan

USER: Ieda\_ar

Perpisahan itu rencah duniawi  
Aku, kau, dia dan mereka  
Akan merasa bagaimana  
Meninggalkan atau ditinggalkan  
Masing-masing punya lorong sendiri  
Untuk menggapai mimpi  
Hingga terhenti detak jantung  
Dan denyut nadi...

### KATEGORI – Sajak & Puisi

TAJUK: Buah Usaha

USER: RIZANELRAHIM

Manis buah tumbuh melebat

Tumbuh bertangkai

Tumbuh bergugusan

Tumbuh menjalar

Sentiasa ingin berbuah

Tetapi disekat musim yang berbolak balik

Berehat seketika

Diserang rangka berparuh

Dibaling batu

Dipetik saudagar

Dihina galah panjang

Digoncang ribut

Bukan alasan untuk terus berbuah

Tugas waktu memberi kemanisan

Terus mengukir rasa



[melayu.com/k/perpisahan/69](https://melayu.com/k/perpisahan/69)



[melayu.com/k/buah-usaha/70](https://melayu.com/k/buah-usaha/70)

**KATEGORI – Sajak & Puisi**  
**TAJUK: Bahasaku**  
**USER: SyahirahHusairi**

Puisi itu serangkap seni  
Perenggan kata disusun rapi  
Mengungkap bahasa rahsia sang hati  
Saksi si pena dan papan kekunci  
Tidak berangan mahupun bermimpi  
Cuma mahu mengeskpresi diri  
Bahasa aku bahasa pertiwi  
Bahasa agung selat ini  
Tanpa bahasa hilanglah seri  
Mengapa malu berbahasa sendiri?

-Syahirah Husairi-

**KATEGORI – Sajak & Puisi**  
**TAJUK: Menu Kehidupan**  
**USER: RIZANELRAHIM**

Setiap hari berlainan menu  
Suatu hari ada gembira bawah tudung saji  
Sungguh berselera berkongsi bersama...  
Sayang untuk menghabiskan sisa gembira  
Hari esok belum tentu ada menu yang sama  
Bakal merindui...  
Menu hari ini peria dan nasi putih  
Menghabiskannya seorang diri...  
Sukar untuk berkongsi bersama  
Rasa kelat bukan kesukaan ramai  
...  
Memilih untuk tidak makan hati goreng lagi



[melayu.com/k/bahasaku/71](https://melayu.com/k/bahasaku/71)



[melayu.com/k/menu-kehidupan/74](https://melayu.com/k/menu-kehidupan/74)



**KATEGORI – Pantun  
TAJUK: Malaysiaku  
USER: CheIntan**

Masyhur Malaysiaku indah nian,  
Pelbagai bangsa adat berbilang,  
Semangat waja satu tujuan,  
Cintakan negara patriotik dijulang

Negara Malaysia tanahairku,  
Bersih indah kebanggaan semua,  
Aman sentosa bertambah maju,  
Cerlang negara di mata dunia

Meriah suasana pelancong datang,  
Melawat berkunjung doldrum khatulistiwa,  
Kekal sentosa damai dan tenang,  
Itulah Malaysia negaraku tercinta

Makmur negara stabil ekonomi,  
Aman tenteram tiada gangguan,  
Isu negara bijak ditangani,  
Maslahat rakyat jadi keutamaan



[melayu.com/k/malaysiaku/73](https://melayu.com/k/malaysiaku/73)

Desa dan kota indah nan permai,  
Udara segar terasa nyaman,  
Nuansa kaum toleransi disemai,  
Bersatu-padu erat perpaduan

Rencam makanan limpahan rezeki,  
Bumi tercinta berladung hasilan,  
Luas rahmat syukur llahi,  
Rendah hati tanda kehambaan


Kota sejarah jadi tinggalan,  
Sampai kini jadi bualan,  
Zaman gemilang dilupa jangan,  
Negara merdeka dalam kenangan

Indah pesona si bunga raya,  
Jadi kebanggaan rakyat Malaysia,  
Jasa ditabur azam dicita,  
Tanda cinta kepada negara

Jalur gemilang kibar angkasa,  
Merdu kemandang lagu negaraku,  
Memupuk toleransi menyatu bangsa,  
Kobar niatan semangat baharu

Teguh berdiri tugu negara,  
Tinggi megah kelompok arca,  
Semangat nasionalisme memori tercipta,  
63 tahun Malaysia merdeka

Berilmu beramat amanah dipatuhi,  
Tanda setia bakti negara,  
Kukuh persaudaraan jalin harmoni,  
Malaysia prihatin rakyat sejahtera



## Karya Pilihan!

**KATEGORI – Sajak & Puisi**

**TAJUK: Angin**

**USER: Ddamirul**

Aku ingin bersahabat dengan angin. Satu-satunya  
penyampai rindu kepada yang dirindukan.  
Maka, wahai angin tolong kirimkan salamku kepada dia.  
Tanyakan juga apakah yang sedang dirasa.

Kalau ada kesedihan di matanya, belai lembutmu boleh  
menyenangkan.

Keringkan tangisan itu di wajahnya.  
Kalau ada senyuman menebarkan manis,  
Halaukan gerimis jangan biar menitik.  
Hadirkkan mentari menyambut gembira,  
Tapi jangan sampai terik.

Bisikkan di telinga kecil dia, titipan puisi cinta.  
Diiringi melodi dari desiran pepohon  
Moga hati itu tidak terasa kosong.  
Usapkan rambut hitam dia, menyisir dengan manja  
hingga dibuai mimpi.  
Moga tubuh itu tidak terasa sepi.





**KATEGORI – Sajak & Puisi**  
**TAJUK: Urna puisi**  
**USER: NurAzman**

1) RENTAPAN

Terdiam bisu, matanya terpaku ,  
 Lihat ada sosok-sosok indah ,  
 Yang mandir, yang nafsu jakanya ,  
 Menjadi tidak keruan.

Walhal kita sedia maklum  
 Ini bulan baik ,  
 Kafankan itu warnanya putih ,  
 Dan longgarkan sedikit.

2) BERCELARU

Tersungkur dalam kesedihan ,  
 Mataku bagaikan awan mendung,  
 Yang menunggu masa ,  
 Untuk gugurkan air hujan.

Hujan mula mencurah ,  
 Jeritan seperti kilat ,  
 Yang tiada bunyi ,  
 atmaku sakit yang teramat .

Fikiran ini  
 Bagaikan ribut yang kuat ,  
 Gerakannya seperti gentayangan,  
 Apa yang harus aku lakukan?

Inginkan pelangi ,  
 Urnakan kehidupan ini ,  
 Inginku menjadi ratna ,  
 Yang menyinari di bumantara ,  
 Itulah lumrah kehidupan .

3) SANG JUITA MENGHILANG

Sejuta manusia yang hadir ,  
 tiada seorang seperti dirimu ,  
 Sang juita membuatku gembira ,  
 malah tertawa menangis bersama.

aku yang ingin dirimu,  
 dijagai oleh sang tuhan ,  
 yang sentiasa disisimu selalu ,  
 takkan ku sakiti hatimu.

Namun ,  
 Hati ini retak seribu ,  
 Kian renjana menghilang ,  
 masih gantayangan mencari dirimu ,  
 Kau menghilang seperti pawana ,  
 Tanpa meninggalkan sedikit jejak .

Sang juita kembalilah ,  
 Ratnamu dalam kegelapan ,  
 Malah inginkan dirimu datang kepadaku ,  
 Urnakan atmaku.

#### 4) PERJUANGAN SANG DEWI

Walaupun wajah kelihatan lemah ,  
Namun pantang menyerah ,  
Walaupun rintangan menghadang ,  
Kau pantang ke belakang .

Walaupun menyakitkan ,  
Aku tetap tabah menghadapi ,  
Bisikan bumantara menguatkanku,  
Wahai sang ratna ,  
Kaulah pejuang sang dewi .

Jangan sewenang-wenang kau mengalah ,  
Innatlah hidup hanya sekali sahaja ,  
Baharilah kehidupanmu ,  
Percayalah , Sang Tuhan pasti urangkan  
pelangimu .

#### 5) DIAM

Tiada bunyi ,  
Kenapa tiada lagi degupan? ,  
Adakah sudah terhenti ? ,  
Adakah sudah mati?  
Jawab wahai hati .

Aku remuk ,  
seremuk - remuknya ,  
Aku diam dan diam ,  
Sakitnya tidak dapatku luahkan ,  
Hanya mampu mendengar ,  
Hanya mampu berdiam.

Inginku meluah ,  
meluah apa yang ku pendamkan ,  
Namun tidakku dapat ,  
Perasaanku bercampuk aduk ,  
Yang dikunci dalam sangkar .

Inginku menjadi merpati ,  
Yang bertebangan bebas ,  
Tidak lagi terperangkap ,  
Inginku merasakan langit ,  
Inginku merasakan pawana segar .

Namun itu hanyalah khayalan ,  
Beginilah aku sekarang ,  
Diam dan diam .



[melayu.com/k/urna-puisi/72](http://melayu.com/k/urna-puisi/72)



**KATEGORI – Sajak & Puisi**  
**TAJUK: Sehelai tisu**  
**USER: RabiatulHassan**

sehelai tisu, tak pernah tahu  
bahawa mencintai air  
adalah kelemahan dirinya  
yang sia-sia

tetapi, setitis air  
dari kelopak mata  
tak pernah tahu  
tentang setia sehelai tisu  
yang menunggu  
menyambutnya itu  
sanggup korbankan nyawa.

Rabiatul Hassan  
5:9:20



[melayu.com/k/sehelai-tisu/77](https://melayu.com/k/sehelai-tisu/77)

**KATEGORI – Pantun**  
**TAJUK: PANTUN COVID-19**  
**USER: Pena\_ungu**

Berteduh di bawah pohon sena  
Indahnya alam yang dikurnia  
Covid-19 dari China  
Menjadi pendemik seluruh dunia


Menahan lukah di tengah paya  
Hati-hati haiwan berbisa  
Covid-19 virus berbahaya  
Amalkan kebersihan sentiasa

Sudah diduga sudah diramal  
Takan tempua bersarang rendah  
3c dielak 3w diamal  
Hapuskan virus si pembawa padah


Pisang emas pisang berangan  
Bawa belayar ke hujung benua  
Patuh sentiasa SOP dilupa jangan  
Jaga diri jaga keluarga Jaga semua



[melayu.com/k/pantun-covid-19/78](https://melayu.com/k/pantun-covid-19/78)



## Ulasan Buku!




**TAJUK:** Kau Kekasihku  
**USER:** Hanis



Tgk tajuk pun tau ni novel cintan-cintun kan...tapi mmg sesuai utk bacaan umum sbb aii yg bukan penggemar bacaan novel mcmni pun boleh 'carry-on' lagi dgn crita yg cuba disampaikan...kataanya bila dilukai berkali-kali, kekecewaan akan merajai hati, dan mula keyakinan diri tenggelam dan tak timbul2 lagi...haaa, jadi dia cuba utk mengejar yg lain drpd cinta-kasih ke arah bidang pendidikan setinggi2 yang dia boleh gapai dan berharap dgn kejayaan tu nanti dia akan lebih bernasib baik dlm alam..tapi tu lahhh, bila dah paku dlm kepala tu 'aku takkan boleh bahagia dlm hidup bercinta' (ecewahhhh), dia jadi susah laaa walaupun ada org sekeliling yg cuba nak bantu; dan walau ada yg syg juga cuba membantu utk membina kembali konpiden level si buah hati; tetap tak berhasil, segalanya kaku, macam air yg dicurah ke daun keladi (tak memberi kesan kpd yg dicintai)...tapi berkat usaha, sampan yang teroleng2 di tgh lautan gelora pun boleh mudik ke pesisir utk berlabuh dgn jayanya~~~hahaha, lebih kurang gituuu la citenya..haaa tepukkkmenarik

[melayu.com/k/bacaansantaihanismanis-1/83](http://melayu.com/k/bacaansantaihanismanis-1/83)


**Karya  
Pilihan!**

**KATEGORI – Surat**  
**TAJUK: Warkah Sang Buana**  
**USER: Aziey\_Id**

Salam dariku buatmu,

Aku hanyalah seorang gadis biasa, masih mentah dalam berkata-kata apatah lagi menyelit bait mutiara.

Saja ingin aku luahkan di atas putih kertas ini, bahawa hidup ini cumalah sementara. Bahagia di sini bukanlah penentu gembira pada saat noktah kembara. Hidup diangkat takhta, dijulang nama apatah lagi menongkah makna syahadah yang sebenarnya. Aku lihat sang ibu dan remaja, bermegah dengan cantik di muka, indah di tubuh. Aku lihat sang ayah alpa dan menolak tanggungjawab, anak-anak lelaki yang mengikut jejak suri teladannya. Semua ini mungkin kukira kebiasaan zaman moden ini, hidup sekadar bertuhankan gajet malah manusia atau artis yang didampingi setiap hari. Sentiasa mengingat dan mencontohi lagaknya seperti ulama dan nabi? Aku tahu inilah nasihat buatku juga dirimu, sang khalifah yang diberi nikmat hidup sehingga kini, di atas bumi ini.

Aku tahu bahawa jantung yang masih berdetak setiap saat selagi belum termaktub sebuah kematian, pasti mengimpikan kebahagiaan. Ada tafsiran bahawa mengenakan fesyen yang hebat dan menonjolkan sebahagian aurat layak mendapat tempat di hati sang manusia yang memandang. Indah sekali ciptaanNya!

Memang indah apabila dimakan pujian tetapi sementara itu terlalu pasti untuk tidak menidakkan hakikat bahawa kita terpaksa meletakkan Allah yang keduanya. Begitu tafsiran bahagia seorang perempuan? Darjah yang hebat di sisiNya serta maruah yang tidak tergapai oleh sesiapapun melainkan yang istimewa. Kitakah yang memusnahkan khalimah dan janji terindah dariNya?

Ya, kau seorang khalifah di bumi ini. Seorang pemimpin dan ketua... engkaulah yang mencorakkan hati anakmu. Engkaulah sang ayah mahupun bakal ayah yang menjadi acuan buat pengikutmu, seorang isteri yang solehah dan setia berkorban demi mu, wahai lelaki. Apabila melihat seorang isteri, pernahkah engkau terfikir pinjaman dariNya buatmu ini sekadar menjadi hambamu atau amanah yang selayaknya layanan dan kebaikan? Saat ini, aku sedih mengenangkan nasib wanita di luar sana yang berada dalam cengkaman seorang lelaki yang tidak memahami dan menganggap bahawa mereka tuan buat seorang wanita bergelar zaujah.


Saat ini, memang kemusnahaan adalah sebuah gian daripada bumi ini. Memang itulah kataNya yang kita baca daripada tulisan Al-quran. Adakah telahan kita hanyalah memahami dan menanti waktu untuk berhijrah, ketika mana kononnya hidayah belum disahut? Sesungguhnya, hidayah perlu dicari.

Buat diriku dan yang membaca ini, sampaikanlah walau secebis ilmu yang tersirat dalam nasihat. Sesunggunya, yang terbaik dalam kalangan kita adalah kerana amalannya bukanlah pada segak busana maupun nilai hartanya. Wanita... aku juga wanita yang punya rasa untuk melihatkan rupa paras yang indah tatapannya. Tapi... untuk siapakah aku persembahkan sebuah dosa? Bercantiklah dengan sederhana dan



[melayu.com/k/warkah-sang-buana/80](https://melayu.com/k/warkah-sang-buana/80)

tutuplah aurat kita kerana yang terbaik itu akan hadir menjadi bidadara. Wahai lelaki, aku juga punya abang dan ayah. Perasaan kian menghimpit apabila melihat sebuah kepalsuan yang ditunjukkan daripada seorang yang mulia. Tetapi... mulia pada apa saat menolak tanggungjawab pada lemahnya sang isteri. Demi dirimu, kudrat yang kian luput tidak sekali dihiraukan. Lihatlah dengan mata hati yang masih dipinjamNya.



**TAJUK:** Rengsa  
**USER:** Hanis

Best buku ni...citra pasal orang yang kena aniaya dgn ilmu hitam hanya disebabkan kasih tak berbalas...sanggup depa ketepikan syariat Tuhan dan bersekongkol dgn pengamal ilmu hitam...dibiarkan si anak ja hidup manakala mak-paknya dibunuuh dgn kejam...tapi Tuhan tu Maha Adil, diizinkan kejahatan tu berlaku sebagai ujian kpd si anak dan asbab utk org2 lain disekelilingnya berubah...Key-point dia, jangan ingat buat jahat tu org tak nampak anda boleh terlepas sbb sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya 'kecepuppppbedebukkkk' jatuh ke tanah jua... Best mmg best buku ni...boleh try dapatkan senaskah naa utk bacaan santai anda...



[melayu.com/k/bacaansantaihanismanis-2/84](https://melayu.com/k/bacaansantaihanismanis-2/84)



**TAJUK:** Anak Titi Wangsa  
**USER:** Hanis



Wokeh buku ni aii kasi hashtag #bukuretro-hanis...hahaha, berkisarkan ttg perjalanan hidup pemuda2 yg sdg meniti alam kedewasaan yg cuba mencari perubahan dlm hidup...yg mana dr kampung dtg ke kota dgn harapan nak jadi lebih baik walaupun akhirnya berubah menjadi lebih teruk(aisemannnn) semuanya adalah kesan pengaruh kawan & persekitaran yg tak membantu dlm merealisasikan impian asal si pemuda ni tadi...tapi terima kasih sbb masih ada sahabat yang masih menjaga sahabat2nya ini drpd terus hanyut...ditariknya perlahan2 tanpa berputus asa dan akhirnya pemuda2 ini bagai tersedar dari lena bahawa kemajuan yg diimpikan itu bukan sahaja boleh dinikmati di kota seperti yg dikata2kan, tapi dimana2 juga asal sahaja ada usaha bagi menuju ke arah kejayaan ituwwwww....hidupppp anak muda! Buatlah apa yg disukai dan kejarlah cita2...selain itu, penting bagi org sekeliling yg lebih tua utk membimbing org yg lebih muda, kerana yang lebih makan garam itu lebih dahulu mengetahui rencah kehidupan yang beraneka rasa, dan daripada pengalaman itulah datangnya pelajaran yg pertama...Haaa gituuwww...selamat mencari dan mendapatkan senaskah ya...

[melayu.com/k/bacaansantaihanismanis/82](http://melayu.com/k/bacaansantaihanismanis/82)

**TAJUK: Menumpang Teduh Pohon Akasia (Somaliland Bukan Somalia)****USER: FADHILAHBTAHMAD**

Penulis : Muhammad Suhail Ahmad

Harga :28.00

Tahun Terbitan : 2016

Jumlah Halaman :251

Penerbit :Grup Buku Karangkraf Sdn

ISBN :978-967-86-0672-1

Ia merupakan sebuah buku travelog ke sebuah destinasi yang jarang diterokai oleh rakyat Malaysia. Buku ini ditulis oleh bekas peguam lulusan UIAM dalam bidang Undang-undang Sivil dan Syariah. Pengalaman yang luas dalam bidang perundangan sehingga peringkat antarabangsa membuatkan penulis cenderung dalam bidang pengembawaan, penulisan dan kesukarelaan. Pengembawaan beliau secara tidak sengaja ke Somaliland kerana tujuan asal adalah untuk bertemu rakannya atas urusan perniagaan, rupanya berakhir dengan sesuatu yang sangat bermakna.


Buku ini membuka mata saya bahawa terdapat sebuah republik bernama Somaliland yang mana kewujudannya telah dinafikan kerana tidak ada satu negarapun mengiktirafnya. Kebanyakan kita hanya mengetahui kewujudan Somalia. Walaupun rakyat Somaliland berbangsa Somali yang serumpun dengan rakyat Republik Somalia, namun mereka saling tidak mahu berkaitan. Pelik tapi benar.

Kehidupan masyarakat Somaliland yang seperti nomad itu juga sebenarnya menjana pendapatan yang tidak terfikir dek akal fikiran saya. Bayangkan purata hasil jualan unta sekitar USD30,000.00 sehari bagi seorang pengusaha! Mereka tidak menggunakan sistem perbankan dan kesannya perisikan Amerika tidak dapat memantau kekuatan kewangan mereka. Sesuatu yang amat mengagumkan penulis apabila mendapati gelombang 4G telefon bimbit sentiasa penuh di kawasan gurun tersebut pada tahun 2015 itu. Banyak kisah sejarah terutama sejak zaman Uthmaniyyah , ketamadunan dan budaya unik mereka dipaparkan dalam buku ini. Paling mengujakan buku ini merupakan buku travelog interaktif pertama di Malaysia yang mana membolehkan pembaca mmengimbas Kod Bar di halaman yang disediakan untuk merasai sendiri suasana sepanjang pengembawaan penulis.


Saranan saya, bacalah kembara gurun Somaliland ini dan saya yakin rakan maya di luar sana akan merasakan seolah-olah mengikuti penulis dari setiap langkah yang dihayunnya.



[melayu.com/k/menumpang-teduh-pohon-akasia-somaliland-bukan-somalia/102](http://melayu.com/k/menumpang-teduh-pohon-akasia-somaliland-bukan-somalia/102)



## Ulasan Buku!



**TAJUK:** Kabut dan Bulan Sabit di Demak

**USER:** Hanis

Sekitar sinopsis di belakang buku...dengarkan~

"Keadilan sultan sahaja tidak cukup. Ketangkasan senopati sahaja tidak memadai.

Demak sedang makmur, sedang menuju gemilang, dan siapa sahaja mahu mengambil bahagian daripada kemakmuran itu. Dan pergulatan kuasa selamanya menuntut lebih daripada kualiti fizik, nilai adil jujur -bahkan siasat politik.


Ini kisah kerajaan yang perkasa melebarkan pengaruhnya, yang tawaduk pemerintahnya. Kisah Demak yang mengambil tanggungjawab Malaka menancapkan bendera Islam di bumi Nusantara. Kisah pesong dendam nafsu membolot kuasa"

Kalau kisah jatuhnya Kerajaan Melaka ke penajah Portugis 1511 kerana wujudnya duri dalam daging...Kisah Demak pula ditandai dengan wujudnya jarum dalam tumpukan jerami, apabila orang dipercayai akhirnya mengkhianati...

Tak tahu kisahnya benar atau citera yang diulit imaginasi, sebab aku bukan pembaca hikayat sejarah yang tegar utamanya dalam kisah luar negeri...maaf budak berhinggus lagi, tapi penceritaannya seronok untuk diikuti malah penamatnya pula cukup meruntun hati...tak pasti lagi sama ada orang lain turut menyertai rasa hati ini saat penutup buku diteliti...aku jenis membaca mengikut preskripsi...dari kulit depan hingga kulit belakang aku tatapi, fahami, mengikut aturan normalisasi pembaca...tiada 'skip' atau dipanggil bosan menelaah cerita berunsur berat, bahkan mungkin berlain bahasa ini...kisah bagaimana cubaan melebar, menyambung dan memperkuuh kekuasaan kerajaan dan utamanya sekali penyebaran agama dilakukan, sangat menarik sekali...tak terkecuali, sedikit roman romantis diselit penuh berseni, pergolakan dalam kerajaan, pertikaman belakang yang tak pernah terfikir sangguh dilakukan turut berjaya digarapkan penuh baik oleh Nunung Prajarto...



[melayu.com/k/bacaansantaihanismanis-8/90](http://melayu.com/k/bacaansantaihanismanis-8/90)


**Karya  
Pilihan!**

**Kategori – Cerpen - Cinta**  
**Tajuk: Teratai, bukan Lily!**  
**User: pommie**



September 1997

"Teratai, emak panggil pulang! Makan!" Panggilan Khusyi membuatkan anak kecil dengan mata yang bulat itu berlari-lari anak menghampirinya. Mereka berpimpinan tangan untuk pulang ke rumah.

"Lily! We've not done yet!" Panggilan Charleston membuatkan Teratai menoleh. Senyuman manis diukir buat Charleston. Anak Inggeris yang sudah hampir setahun menjadi teman sepermainannya.

"I'll be back later! You go home too! Eat first!" Charleston hanya mampu melepaskan keluhan mendengarkan itu. Rumah kecil yang mereka bina daripada dahan kayu yang patah dan daun-daun kering itu akhirnya ditinggalkan saja.

Di sebuah Villa besar yang terletak di atas bukit, seorang lelaki di lewat usia 30-an duduk di beranda rumah. Dahinya berkerut-kerut membacakan isi kandungan surat di tangannya.

Charleston melangkah malas menghampiri ayahnya. Rambut kuning keemasannya beralun ditiuang angin petang.

"Charleston Sylvester, where have you been this entire morning?" Pertanyaan Morrison Sylvester membuatkan tangan kecil yang baru hendak memulas tombol pintu terhenti.

"I'm playing with Lily." Charleston berkata jujur. Morrison melepaskan keluhan.

"Have you done packing up your things?" Pertanyaan itu membuatkan Charleston terdiam. Tangannya menggenggam penumbuk.

"I don't wanna leave this place! This is my home!" Charleston membentak dan berlari meninggalkan villa tersebut tanpa sempat dihalang oleh Morrison.

Lelaki itu hanya mampu mengurut keping melihat tingkah Charleston. Apa yang pasti, tingkahnya berkait rapat dengan Lily yang selalu dia ceritakan. Mungkin dia sudah silap membiarkan anak kecil itu berteman.

Teratai menjenguk di sebalik jendela. Melihat kalau-kalau Charleston muncul di situ. Namun tiada kelihatan kelibatnya di mana-mana.

"Abang, Teratai hendak keluar." Wajah Khusyi dipandang penuh pengharapan. Khusyi menggelengkan kepalanya. Emak mereka sudah pesan tadi, Teratai tidak boleh keluar lagi.

"Tak boleh." Khusyi cuba bertegas, namun wajah meminta simpati Teratai terlihat sangat kasihan. Mata bulat itu sengaja dikecilkkan dengan bibir yang dijuihkan.

"Tolonglah abang, sekali ini saja. Teratai sudah berjanji dengan Charles. Nanti dia tunggu Teratai." Teratai tunjuk jari kelingking. Khusyi akhirnya membenarkan. Namun hanya untuk sebentar.

"Lekas pulang sebelum emak pulang dari sawah." Teratai mengangguk laju. Sebelum keluar dia sempat mengambil satu biji kopi yang sudah dikeringkan.

Tiba di tempat mereka mendirikan rumah kecil, Charleston terlihat sudah duduk menantinya di bawah pohon rambutan. Teratai tersenyum riang melihatkan si rambut kuning itu.

"Charles!" Charleston yang tunduk mengangkat wajah. Senyumannya terlakar indah melihatkan wajah ceria Teratai. Lesung pipitnya terlihat manis saja.

"Lily! I thought you didn't come." Wajah si kecil kembali bersinar. Buat seketika, dia lupa yang keluarganya akan meninggalkan tempat tersebut.

"Here. I brought something for you." Charles menghulurkan tangan apabila Teratai ingin memberikan sesuatu di dalam genggamannya.

Apabila Teratai letakkan sebiji kopi yang sudah dikeringkan di atas tangannya, dahi Charleston berkerut.

"Why are you giving me this?" Teratai tayang sengih. Dia tidak menjawab pertanyaan Charleston. Hanya senyuman yang diukirkan buat lelaki itu.

"Charleston!" Panggilan Anne Sylvester membuatkan dua kanak-kanak itu terus berpaling. Wajah garang ibu Charles menyapa pandangan mereka. Apabila matanya bertentang dengan pandangan Teratai, Anne tersenyum.

"Sorry Lily, I have to take him home this instant. Charl, have you said your farewell?" Mata Teratai terus membulat memandang Charleston. Sahabatnya yang satu itu tidak memandang wajahnya lagi.

"Are you leaving this place?" Pertanyaan Teratai membuatkan senyuman Anne memudar. Dipandang wajah Charleston yang muram.

"We are going back to London Lily, Charl's grandfather is so sick right now." Kata-kata Anne membuatkan Teratai tertunduk seketika. Dia bagaikan berfikir sesuatu.

"When will you be back?" Sekali lagi dia bertanya. Reaksi wajahnya masih tenang. Walaupun dia masih kecil, dia sudah faham benar dengan apa yang bakal berlaku. Reaksi wajah Anne jelas menunjukkan segalanya.

"We won't be back, dear." Charleston yang sudah membelakangi Teratai dipandang simpati. Dapat dia lihat dengan jelas mata anaknya yang yang sudah berkaca.

Teratai hanya diam di situ. Dia sudah tidak tahu hendak berkata apa lagi. Belakang tubuh Charleston dipandang penuh harapan agar kanak-kanak lelaki itu berpaling dan mengatakan sesuatu. Mungkin itu kali terakhir mereka akan bertemu.

"Charl dear, you can talk to Lily for a while. Mom will be waiting there." Memberikan ruang untuk dua anak kecil itu berbicara. Namun belum sempat dia hendak berlalu, Charleston sudah berlari pergi terlebih dahulu.

"Charleston!" Anne cepat-cepat mengejar anaknya. Teratai yang melihatnya terkaku sendiri. Sebagai seorang anak kecil, dia belum pernah merasakan peritnya perpisahan. Oleh itu, sukar baginya untuk bereaksi dengan perasaannya ketika itu.

Lama Teratai menunggu di tempat yang sama, namun kelibat Charleston tidak juga keihatan. Dia tertanya sendiri adakah mereka sudah benar-benar pergi. Jika benar, dia sudah tidak punya teman bermain lagi.

"Teratai. Kenapa masih di sini?" Khusyi yang datang untuk menjemputnya bertanya risau. Melihatkan riak wajah Teratai yang muram, pasti sesuatu telah terjadi. Namun Teratai hanya diam membisu.

Oktober 2017

Filem kamera lama abah yang dia temui di simpanan barang lama itu disimpan kemas di dalam beg tangan. Dia akan mencuci semua gambar yang ada di situ.

Mungkin susah untuk mencari kedai yang masih membuka khidmat sebegini, namun dia akan mencuba. Gambar keluarga yang tersimpan kemas di dalam laci dipandang.

Wajah manis abangnya yang tersenyum membuatkan hatinya merintih rindu. Satu-satunya abang yang dia miliki sudah hampir lima tahun meninggalkan mereka.

Tangan ditadah dan bibir membacakan surah Al-fatihah untuk dihadiahkan buat abangnya. Arwah Khusyi Hardhan bin Abdul Rauf. Abang kesayangannya.

"Teratai dah nak balik sana ke?" Pertanyaan emaknya membuatkan Teratai tersenyum. Sudah hampir sepuluh kali emak bertanya. Risau sangat nak melepaskan anaknya yang tinggal seorang itu.

"Iya mak. Teratai cuti sekejap saja. Nanti minggu depan Teratai balik sini lagi." Tangan emak dicapai dan dikucup lembut.

"Yalah. Hati-hati jalan tu. Nanti kalau lalu kat ladang kopi jangan lupa jumpa abah dulu." Sempat emak menitipkan pesan. Teratai hanya mengiyakan.

Beg pakaian dimasukkan ke dalam kereta. Dari jauh terlihat kelibat dua orang kanak-kanak lelaki yang berkejaran dengan basikal. Anak-anak buahnya, kembar seiras Hildan dan Zahin.

"Kak Su! Awalnya balik." Hildan si abang terus bertanya. Zahin pula tertinggal sedikit di belakang.

"Apanya kak su! Emak dah pesan kan panggil mak su!" Emak menyelit dari beranda rumah. Zahin yang baru tiba terus membrek basikalnya.

"Neneklah bukan emak!" Zahin membetulkan membuatkan emak tayang jelingan tajamnya. Mereka hanya mampu tertawa.

"Ibu korang mana?" Teratai menanyakan mengenai balu abangnya, Hanisah yang sudah macam kakak dia sendiri. Walaupun arwah abangnya sudah tiada, Hanisah tetap sebahagian daripada keluarga mereka.

"Ibu masih di sawah." Hildan laju saja menjawab. Sambil itu, dia memandang ke beranda. Setelah memastikan emak tidak mendengar perbualan mereka, barulah dia bersuara.

"Kak Su jangan lupa set kapal terbang yang Hildan minta tu." Separuh berbisik Hildan mengingatkan. Zahin juga merapati mereka.

"Zahin punya pun kak Su! Set kereta kawalan jauh tu ya." Senyuman Zahin melebar. Berbeza

dengan Hildan, senyuman Zahin terlihat lebihikhlas. Senyuman Hildan pula terlihat sedikit nakal.

"Yalah. Kak Su ingat. Korang jangan nak nakal-nakal pula, dengar cakap ibu, nenek dengan atok. Kak Su jalan dulu." Mereka menyalami tangan Teratai sopan.

Lambaian mereka menghantar kepergian Teratai. Dua orang anak lelaki yang berusia 12 tahun itu sememangnya sering dimanjakan oleh Teratai macam anaknya sendiri.

"Teacher Abdul Rauf! I'm here!" Teratai sengaja speaking dengan abahnya yang merupakan bekas guru bahasa Inggeris itu. Guru yang tidak akan pernah kehilangan panggilannya. Jasamu dikenang, cikgu.

"My daughter is here!" Abah tersenyum melihat kehadiran anak gadisnya.

"Dah nak balik?" Sengaja abah bertanya walaupun hakikatnya dia juga seperti emak, sudah banyak kali bertanya hal yang sama dari kelmarin.

"Iya abah. Banyak kerja nak kena buat." Abah mengusap lembut kepalanya yang ditutupi tudung. Tidak sangka anak gadisnya itu sudah dewasa.

"Hati-hati di jalan tu. Jangan kerja sangat. Kalau dah penat kerja tu, baliklah. Abah masih larat nak tanggung kamu." Sengaja abah lirihkan suaranya.

Teratai tergelak kecil. Ada-ada saja abahnya itu. Namun, jauh di sudut hatinya, Teratai tahu. Abah risaukan anak perempuannya.

"Teratai masih laratlah abah. Kerja tu senang je." Lambaian abah di pantulan cermin pandang belakang menghantar kepergian Teratai.

Setelah penat mencari dan dengan bantuan teman-temannya, akhirnya dia dapat juga berjumpa dengan kedai gambar lama. Sampul tebal berisi gambar-gambar yang sudah dicuci dibiarkan sebentar di ruangannya.

Hari itu, seperti biasa kedai kopinya dihujani dengan pelanggan. Tidak menang tangan dia dan para pekerjanya melayani pelanggan.

Hanya apabila suasana lengang sedikit, barulah dia mampu meregangkan ototnya. Teratai duduk bersandar pada kerusinya. Sambil-sambil itu mindanya berfikir untuk menambah pekerja baru.

Nanti dia akan membuat keputusan setelah menyemak semula modal yang ada hasil daripada keuntungan mereka. Jika cukup untuk mengupah seorang lagi pekerja, nanti dia akan pertimbangkan.

Sampul di atas meja menarik perhatiannya. Perlahan sampul ditarik. Senyumannya terlakar indah melihatkan gambar pertama di dalam sampul.

Gambar dirinya ketika masih berusia enam tahun. Gambar yang kedua pula diselak. Gambar dirinya pada waktu yang sama namun bersama seorang kanak-kanak lelaki berambut kuning keemasan.

Senyumannya sedikit memudar. Satu nama yang samar-samar kembali ke kotak fikiran. Akhirnya memori yang dicari membuatkan dia tergelak sendiri.

"Teratai, bukan Lily!"

Masih dia ingat dengan jelas akan hari itu. Hari pertama dia bertemu dengan Charleston Sylvester. Anak Inggeris yang pada mulanya menjengkelkan.

"Teratai? " Dengan pelat Inggerisnya, Charleston cuba menyebut nama itu namun terdengar pelik di telinga Teratai.

"It's okay, you can just call her Lily. Maksudnya masih sama." Abah terus saja mencadangkan. Walaupun Teratai pada mulanya tidak suka apabila namanya ditukar, lama kelamaan dia akhirnya akur juga.

Entah bagaimanalah agaknya keadaan sahabatnya itu kini. Senyumannya tidak lepas di bibir melihatkan gambar-gambar seterusnya.

Apabila melihat gambar lama abangnya, dia tersenyum nipis. Waktu itu abangnya masih terlihat sihat. Abang kesayangannya yang ketika itu berusia 16 tahun.

Ketukan pada pintu mengejutkan-nya dari kenangan masa lalu. Setelah mendapat keizinan masuk, wajah Suria yang menyinar bagaikan mentari terjengul.

"Bos, kita ada tetamu special. Hensem bos, hensem!" Teratai tergelak melihatkan kesungguhan Suria menyatakan kehensemam tetamu special itu.

"Tak sudah dengan hensemnya." Gambar disimpan kembali ke dalam sampul sebelum dia meninggalkan ruangannya.

Susuk tubuh yang membelakanginya itu terlihat sedangan berbual dengan Taufiq, barista utama di kafe mereka. melihatkan kehadiran Teratai, Taufiq tersenyum lebar.

"She's here." Perlahan lelaki itu menoleh. Teratai sedikit terpegun melihatkan mata biru itu. Senyuman lelaki itu membuatkan lesung pipit di pipinya terlihat jelas.

"Teratai Kaseh." Lelaki berambut kuning keemasan itu terlihat gembira bertemu dengannya. Teratai bagaikan tidak percaya. Senyumannya juga terukir indah sekali.

"Charleston Sylvester? Is that really you?" Teratai tidak dapat menahan keterujaannya. Senyuman lelaki di hadapannya sedikit memudar. Dahinya berkerut.

"Do you know me?" Senyuman Teratai terus mati mendengarkan kata-kata lelaki itu. Dia silap orang ke? Sedikit kekecewaan menyapa di jiwa.

Setelah mereka duduk bersantai di ruangan kerja Teratai, Taufiq menghidangkan kopi. Dapat dia rasakan kejanggalan pada Teratai ketika itu.

Pintu dibiarkan terbuka luas. Teratai hanya tunduk memandang meja. Namun dapat dia rasakan pandangan lelaki bermata biru di hadapannya itu jelas ke arahnya.

"By the way, I haven't introduce myself yet. I'm Fateh Abdullah. I'm from London and nice meeting you." Teratai akhirnya mengangkat wajah. Sedikit malu dengan perlakuannya menebak nama lelaki itu tadi.

Lagipula, bukan hanya dia lelaki yang berambut kuning keemasan dan lesung pipit yang unik itu. Lagipula, cara lelaki di hadapannya itu menyebut Teratai tadi sangat jelas.

"Nice to meet you too." Suasana kembali sepi. Fateh menyimpan senyuman. Tingkah Teratai benar-benar membuatkan dia hendak tergelak.

Setelah membincangkan tentang projek kolaborasi untuk melancarkan produk baru yang dihasilkan oleh syarikat mereka, Teratai yang berpuas hati akhirnya menurunkan tandatangan pada kontrak.

"Thank you so much for this smooth discussion. You really are a great businesswoman." Teratai hanya mampu tayang senyuman nipis mendengarkannya.

Belum sempat Teratai hendak bernafas dengan tenang, Fateh yang baru hendak melangkah keluar berpaling. Wajahnya bagaikan menyimpan sesuatu.

"I actually have something for you." Teratai terus angkat wajah. Teratai sedikit terbingung apabila lelaki itu menghulurkan tangannya. Namun dia hulurkan juga tangannya untuk menyambut pemberian Fateh di dalam genggaman.

Sebiji kopi yang dipahatkan di dalam kristal jatuh ke tangan Teratai. Mata Teratai terus membulat. Dipandang wajah lelaki di hadapannya.

"For my Lily." Mendengarkan itu, Teratai terus menepuk dahi. Senyumannya sudah tidak tertahan lagi.

"How dare you fool me!" Charleston Sylvester tergelak apabila Teratai mencucuknya menggunakan pen.


Pertemuan semula mereka sememangnya tidak pernah terjangka akan terjadi. Namun mungkin hanya untuk Teratai.

Kerana bagi seorang lelaki bernama Charleston Sylvester yang kini merupakan Fateh Abdullah, dia sudah lama merancangnya.

"Teratai, bukan Lily!" Sampai bila-bila, kata-kata pertama Teratai Kaseh kepadanya akan terpahat di ingatan.

The end.

"Let us be grateful to the people who make us happy; they are the charming gardeners who make our souls blossom." – Marcel Proust



[melayu.com/k/teratai-bukan-lily/106](http://melayu.com/k/teratai-bukan-lily/106)



**Kategori – Pantun – Komedi**  
**Tajuk: Hikmah Musibah Itukan Fitrah Alam.**  
**User: FADHILAHBTAHMAD**

Lembah bukan sebarang lembah,  
Lembah jendela mahligai berkhemah'  
Musibah bukan sebarang musibah,  
Musibah berjemala pelbagai hikmah.

Tampian padi bercempera antah,  
Jerami terpisah di tepi bendang,  
Iman teruji dikala musibah,  
Tangani tabah, hadapi tenang.

Sampin si uda ikatan pahlawan,  
Tampan berseri di mata dara;  
Yakin pada ketentuan ar-Rahman,  
Kesuraman ini sementara cuma.

Tapah diidam udang dikaut,  
Tangkapan padu rezeki dipikul;  
Fitrah alam berpasang surut,  
Hujan berlalu, pelangi kan muncul.



[melayu.com/k/hikmah-musibah-itukan-fitrah-alam/105](https://melayu.com/k/hikmah-musibah-itukan-fitrah-alam/105)

# KATEGORI KARYA

TEKA-TEKI

PANTUN

SAJAK & PUISI

CERPEN

NOVEL

RESIPI

KOMIK

CERITA LAWAK

SURAT

PETUA & TIPS

ULASAN BUKU

LUKISAN & ILUSTRASI

DIALEK

FOTOGRAFI

HAIKU



# SEMBANG

---

MENYEDIAKAN  
RUANGAN DISKUSI  
ILMIAH DAN BERADAB

---

# INTRO SEMBANG

Projek Sembang bertujuan untuk mewujudkan ruangan diskusi ilmiah dan secara beradab. Perbincangan secara positif dan beradab mampu mewujudkan kumpulan dan komuniti yang mampu memberi sumbangan dan impak kepada masyarakat.

Diharapkan komuniti yang terbentuk menerusi Sembang akan melaksana pelbagai aktiviti seperti program kebajikan, kebudayaan, perkongsian ilmu, pertandingan sukan dan aktiviti riadah.

## SASARAN



## ROADMAP

**HANTAR**  
9/2020


**CARI**  
9/2020

**SOSIAL**  
10/2020

**IKLAN**  
1/2021

**KOMUNITI**  
6/2021

# SEMBANG GAMERS BERSAMA EN. MUZAMMIL @ MELROMEO



## MUZAMMI BIN MUDZAKIR @ MELROMEO

Co-Founder Team Lapar  
Facebook Gaming Partner Content  
Creator sejak 2018.

-  [instagram.com/melz.my](https://instagram.com/melz.my)
-  [youtube.com/melromeo](https://youtube.com/melromeo)
-  [fb.g/melromeo](https://fb.g/melromeo)
-  [melromo.com](https://melromo.com)
-  [teamlapar.com](https://teamlapar.com)

### 1. Boleh cerita serba sedikit tentang latar belakang Encik?

Nama Muzammil Bin Mudzakir atau MelRomeo berumur 31 Tahun mempunyai Degree dalam bidang Electronic Komunikasi di UTHM. Co-Founder untuk Team Lapar dan telah berdaftar dengan KELAB KBS. Bekerja sebagai seorang content creator untuk Facebook Gaming Partner sejak 2018.

### 2. Apa jenis game yang Encik bermain?

Saya lebih berminat untuk bermain game MMORPG, FPS, dan Battle Royale. Pada awalnya berminat bermain game World Of Warcraft selama lebih dari 10 Tahun dan beralih ke arena Battle Royale iaitu PUBG.

### 3. Dah berapa lama ceburi bidang ini? Encik full time atau part time gamers?

Bidang content creator sudah lebih dari 10 Tahun menjadi seorang Blogger manakala Penstriman video lebih dari 3 Tahun di Channel MelRomeo (Fb.gg/melromo). Full Time streamer.



Tournament: PUBG major sea championship 2018



Mini gathering Team Lapar

## 8. Apa pendapat Encik tentang Melayu.com?

Bagi saya ianya bagus sebab ada banyak slot dan mungkin perlu di hebahkan lagi kepada masyarakat. Marketing sangat diperlukan untuk lebih ramai orang join website ni.

## 9. Pada pendapat Encik bagaimana Melayu.com boleh membantu meningkatkan ekonomi?

Dengan adanya slot Bisnes, ini dapat memberikan IKS atau usahawan untuk mengiklankan perniagaan mereka.

## 10. Pada pendapat Encik, bagaimana Melayu.com boleh membantu komuniti gamers?

Adakan 1 Application seperti notifikasi sekiranya ada Tournament yang bakal diadakan supaya para gamers dapat menyertai dengan mudah.

## 11. Boleh Encik nyatakan sebarang cadangan untuk menambahbaikkan Projek Sembang?

Project sembang mungkin boleh di tambah baik iaitu dengan kembalikan Zaman MIRC.

## 4. Apa yang inspired Encik untuk menjadi seorang gamers?

Saya memang minat bermain game sejak kecil dan selalu bermain game bersama abang saya DexjaC yang juga seorang streamer di Facebook Gaming.

## 5. Berapa banyak dah tournament yang Encik pernah sertai?

Saya dah join tournament untuk DotA sewaktu saya berada di Universiti manakala saya masuk ke arena PUBG lebih dari 20 Tournament.

## 6. Berapa pendapatan kasar yang diperoleh sebagai seorang gamers?

NDA (Non-Disclosure Agreement)



## 7. Apa yang Encik faham mengenai Melayu.com?

Komuniti website untuk masyarakat Melayu untuk berkongsi info dan maklumat.



Team Lapar OG

# KATEGORI SEMBANG





# JOM JAYAKAN PROJEK SEMBANG

CAPAI SASARAN

05

BERINTERAKSI  
DAN  
BERKOMUNIKASI

04

LAKSANA  
PROGRAM  
KOMUNITI

01

DAFTAR AHLI

02

SEBARKAN

03

HANTAR SEMBANG

# ISLAM

---

MENINGKATKAN  
KEFAHAMAN ASAS  
ILMU ISLAM

---

# INTRO ISLAM

Projek Islam bertujuan meningkatkan kefahaman Ilmu Islam memandangkan ramai antara kita yang makin menjauh dari Islam. Projek ini berhasrat untuk menggalakkan pembelajaran ilmu agama dengan format yang lebih mudah, ringkas dan menepati kehendak generasi semasa.

Pendekatan yang baru akan diambil seperti Kuliah alert, Azam untuk beramal, Ceramah pendek dan kuiz agama berbentuk games.

## SASARAN



**I JUTA  
PENGETAHUAN**  
PELBAGAI  
PENGETAHUAN



**I JUTA  
PESERTA**  
PELBAGAI  
PROGRAM




**RM I JUTA  
SETAHUN**  
PENDAPATAN  
PENGAJAR


## ROADMAP




**KULIAH**  
10/2020



**AMAL**  
2/2021



**KELAS**  
6/2021




**MASJID**  
8/2021



**QURAN**  
10/2021



**SOLAT**  
11/2021



**HAFIZ**  
1/2021



**OPENSOURCE**  
6/2021



## FUNGSI KULIAH

Senarai kuliah      Carian kuliah mengikut tajuk penceramah dan tempat      Senarai kuliah pilihan      Wakil Masjid & Surau isi jadual kuliah

The screenshot shows the Melayu.com website interface with the 'Kuliah' tab highlighted. Below it, a promotional banner for 'KULIAH MAGHRIB DI SURAU AR-RAUDHAH Selasa [ 15 Sept 2020 ]' featuring a speaker and a book titled 'Ulumul Hadis'.

Annotations point to specific features:

- Senarai kuliah**: Points to the 'Kuliah' tab in the navigation bar.
- Carian kuliah mengikut tajuk penceramah dan tempat**: Points to the search bar labeled 'Cari posts / Kuliah...'.
- Senarai kuliah pilihan**: Points to the 'Kuliah' tab in the navigation bar.
- Wakil Masjid & Surau isi jadual kuliah**: Points to the 'Admin' icon in the navigation bar.

At the bottom of the page, there is footer text: 'KELAS PENGAJIAN AL-QURAN KANAK – KANAK/Tahsinul Qira'ah Lil Syabab Wa A', 'Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin No. 25 Jalan Tunku Abdul Rahman', and social media links for 'facebook/ArRaudhah.3.RBBangi'.

# PROJEK KULIAH

Rasional projek Kuliah ialah menggalakkan orang kita menghadiri kuliah bagi menimba ilmu dan meningkatkan kefahaman Islam. Satu pangkalan data semua kuliah di masjid dan surau di seluruh negara ingin dibangunkan menerusi projek Kuliah ini.

Kebiasaan jadual kuliah dikongsi secara terhad menerusi Whatsapp, Facebook, papan kenyataan masjid dan pengumuman pada hari jumaat. Jadual kuliah ini tidak terpusat dan tiada fungsi carian, peringatan (reminder) atau notifikasi (alert) apabila sesuatu tajuk kuliah ada dianjurkan (contohnya kursus pengurusan jenazah).

Projek Kuliah dibangunkan bertujuan:

Memudahkan capaian jadual kuliah kerana biasanya dikongsi secara terhad di dalam Whatsapp, FB dan papan iklan masjid

Carian kuliah mengikut tajuk, penceramah dan tempat

Fungsi peringatan untuk pergi ke kuliah yang dibookmark

Fungsi notifikasi apabila sesuatu kuliah tersebut didaftarkan

Fungsi cross-reference iaitu pengguna Melayu.com dengan 'tidak sengaja' ternampak jadual kuliah ketika berkarya, bersembang, berbisnes dsb.

Membuka laluan kepada fungsi lain di dalam projek Islam Melayu.com seperti Masjid, Amal, Kelas dan Sedekah.

Semua wakil / AJK masjid dan surau dijemput untuk mendaftar dan memasukkan jadual kuliah masing-masing.

## Rayuan oleh selemann

**Saya memohon bantuan sesiapa yang dapat membantu untuk memperkenalkan kami kepada setiap Jabatan Agama Islam negeri untuk mencadangkan pelaksanaan projek Kuliah ini. Terdapat beberapa JAI Negeri yang telah melaksana projek sebegini dan kami inginkan menjalin kerjasama supaya ianya memberi impak yang lebih besar. Saya doakan Allah SWT memberi ganjaran kepada Tuan/Puan setiap kali peserta menghadiri kuliah dan mendapat ilmu yang bermanfaat. Terima kasih.**

[selemann@melayu.com](mailto:selemann@melayu.com)

# SEDEKAH

---

MENEKANKAN AMALAN  
BERSEDEKAH KE ARAH  
MASYARAKAT PRIHATIN

---

# INTRO SEDEKAH

## Rasional Sedekah

Projek Sedekah bertujuan untuk menekankan amalan sedekah dan mewujudkan masyarakat prihatin. Projek Sedekah akan membangunkan pelbagai fungsi yang menggalakkan bersedekah serta mewujudkan jaringan penyumbang, penerima dan sukarelawan yang berintegriti.

Projek Sedekah bermula dengan projek Barter. Barter merujuk kepada pertukaran barang atau perkhidmatan tanpa mengenakan sebarang bayaran. Hampir setiap daripada kita ada barang lama atau yang tidak digunakan lagi. Lebih baik jika barang tersebut dapat diberi kepada mereka yang memerlukan.

Melayu.com tidak mengenakan sebarang bayaran, sebaliknya semua urusan pertukaran dibuat sendiri oleh kedua-dua pihak atas persetujuan bersama.

## SASARAN



**1 JUTA  
TRANSAKSI**  
SUMBANGAN  
IKHLAS



**1 JUTA  
PENERIMA**  
PELBAGAI  
KUMPULAN SASAR



**RM 1 JUTA  
SETAHUN**  
AGIHAN  
SUMBANGAN

## ROADMAP

**BARTER**  
11/2020

**PERLU**  
3/2021

**DIREKTORI**  
6/2021

**PROJEK**  
9/2021

**KASIH**  
1/2022

**MARUAH**  
6/2022

**WAKAF**  
9/2022




## FUNGSI BARTER

Iklan barter  
daripada pengguna

Senarai aktiviti  
- Barter yang di hantar  
- Tawaran yang dihantar

Isi & hantar maklumat  
barang yang ingin di barter



# LANGKAH MUDAH UNTUK SERTAI **BARTER**



## HANTAR BARTER

- ISI MAKLUMAT
- HANTAR KELULUSAN



## PILIH TAWARAN

- PEMILIK SAHKAN BARTER YANG BERMINAT
- MENGATUR PERTEMUAN UNTUK BARTER



## BARTER SELESAI

- SEDEKAH MEMBAWA BERKAT

# MAKLUMBALAS PENGGUNA MELAYU.COM

**LIYANA**

“so dari projek karya ni aku boleh mencari karya-karya Melayu kat satu tempat je”

**IKA**

“function pesan ni bagi aku terbaik lah sebab pembeli senang untuk pilih barang yang dia nak dan penjual senang nak uruskan order”

**REZAL**

“sukarelawan ni bagus, dapat membantu saya untuk discover produk dan servis baru yang sebelum ni saya tak tahu pon”

Imbas OR code atau layari website kami di Melayu.com dan beri pendapat, maklumbalas dan komen anda menerusisoal selidik projek Melayu.com.

**SURVEY  
MELAYU.COM****SURVEY  
BISNES****SURVEY  
KARYA**

anda punya  
artikel untuk  
dikongsi?

# KONGSI ARTIKEL

ANDA DI

**admin@melayu.com**

Semoga ilmu yang dikongsi akan memberi  
manfaat dunia dan akhirat

## LIKE CHIKANG PREMIUM

Kuala Lumpur, Federal  
Territory of Kuala Lumpur,  
Malaysia



# MUSAFIR SENI

## Lukisan Mural / Lukisan Kanvas

IG: @musafirseni\_



## NURRAYSÀ

Kosmetik , Kecantikan,  
Kesihatan.  
Produk mesra wuduk.

0132659337

IG: @mawarmk

FB: @Mawarlah.mk



## KELEBIHAN MIRACLE EYELINER

Tahan Lama

Kalis Air

Mesra Wuduk (Mudah Dicuci)

Tidak Menghitamkan Mata

Mudah Diaplikasikan

Warna Hitam Pekat

Bermata Tirus



# BAGAIMANA ANDA BOLEH MEMBANTU MELAYU.COM?

## UMUM

- Mengedarkan Majalah Melayu.com menerusi Whatsapp, Email, dsb.
- Mendaftar sebagai Pengguna (Percuma)
- Memberi sokongan kewangan dengan membeli T-shirt rasmi Melayu.com (Shopee)

## BISNES

- Mendaftarkan perniagaan anda di Melayu.com (Daftar)
- Membantu mendaftarkan perniagaan orang lain (Sukarelawan Bisnes)
- Menghantar post / iklan bisnes anda (Post & Feed)
- Mendaftar produk / perkhidmatan anda (Produk)
- Mengiklankan kerja kosong (Kerja)

## KARYA

- Membaca karya yang dihantar dan memberi maklumbalas (Like, Bookmark, Flag)
- Memberi komen dan kritikan karya (Komen)
- Menghantar karya sastera (Sajak, Pantun, Novel, dsb) dan karya kreatif (Komik, Fotografi, Lukisan & Ilustrasi dsb) (Hantar Karya)
- Berkongsi karya menerusi FB, IG & Twitter (Share Karya)

## SEMBANG

- Mencipta topik di Sembang (Hantar Topik)
- Menyertai diskusi di Sembang (Balas Topik)
- Membaca topik yang dihantar dan memberi maklumbalas (Like, Bookmark, Flag)

## ISLAM

- Wakil Masjid & Surau mendaftar sebagai pengguna (Daftar Pengguna)
- Memohon sebagai wakil / moderator Masjid & Surau (Hubungi Kami)
- Menghantar jadual Kuliah (Hantar Kuliah)
- Bookmark kuliah yang ingin dihadiri (Bookmark Kuliah)
- Menerima Alert sehari sebelum kuliah (My Aktiviti)

## SEDEKAH

- Hantar barang / item yang anda ingin Barter / beri percuma
- Mohon sebarkan kepada mereka yang memerlukan termasuk Rumah Kebajikan / Persatuan / NGO

**Sebarang pertanyaan dan candangan, boleh hubungi kami di  
[admin@melayu.com](mailto:admin@melayu.com)**



[www.Kometsoft.com.my](http://www.Kometsoft.com.my) | [info@Kometsoft.com.my](mailto:info@Kometsoft.com.my)

01

## SYSTEM DEVELOPMENT

Enterprise Web Application  
Enterprise Rating and Audit System  
Online Applications Processing

## MOBILE APP DEVELOPMENT

Native App  
Hybrid App  
Secure PDF Distribution

02

03

## COACHING & TRAINING

App Development Training  
& Coaching  
Transfer of Technology

## INTEGRATION SERVICES

FPX, Big Data, Legacy Systems,  
Active Directory, Web Services

04

05

## SPECIALIZED SOLUTIONS

Call Center  
Customer Relationship Management (CRM)  
Microsoft Excel Plug-ins



Solution Partner

Expert Application Developer | Since 2003 | Locally Owned | Local Employees | 200+ Successful Projects

RUANGAN IKLAN UNTUK DISEWA | HUBUNGI KAMI DI : [admin@melayu.com](mailto:admin@melayu.com)